

DEWAN MAJLIS**Sabtu, 19 Jamadilakhir 1438 / 18 Mac 2017****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Uagama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Bahrin bin Abdullah, PSNB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat, PSNB., PJK., PIKB., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi, PSNB., PIKB, Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abd. Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman, PIKB.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'B', Zon 1 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Khamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong "A", Zon 4 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 – Daerah Brunei dan Muara

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim di Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan, Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**Mesyuarat mula bersidang
pada pukul 9.00 pagi**

Yang Dimuliakan Jurutulis:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang bagi hari kesepuluh pada hari Sabtu, 19 Jamadilakhir 1438 bersamaan 18 Mac 2017 didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala jua kerana dengan limpah kurnia, rahmat dan keizinan-Nya kita dapat pagi ini bersama-sama hadir untuk meneruskan lagi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas

Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita, صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang ta'at lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara pada pagi ini akan kita sambung untuk bersidang lagi setelah kita tangguhkan pada hari Khamis petang dan kita masih lagi membincangkan dan membahaskan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan 2017/2018 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) dan kita telah bersidang di Peringkat Jawatankuasa.

Pada petang hari Khamis yang lepas, kita telah mula membincangkan Belanjawan Kementerian Perhubungan dan kita telah mendengar penjelasan-penjelasan yang terperinci tentang matlamat-matlamat serta sasaran-sasaran kementerian yang berkenaan itu sesuai dengan belanjawan yang disediakan.

Perbincangan ini akan kita teruskan di Peringkat Jawatankuasa. Maka bagi membolehkan kita berbuat sedemikian dan meneliti Belanjawan Tajuk Kementerian Perhubungan di Peringkat Jawatankuasa, saya ingin menangguhkan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

**(Mesyuarat bersidang sebagai
Jawatankuasa)**

Yang Berhormat Pengerusi:

ﷺ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang Majlis ini bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 satu per satu bagi Tajuk SN01A hingga Tajuk SN08A – Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Seperti yang saya nyatakan pada awal tadi bahawa petang hari Khamis yang lepas, Yang Berhormat Menteri Perhubungan telah selesai membuat pembentangan berupa ucapan pendahuluan atau mukadimah, maka pagi ini kita akan membincangkan dan membahaskan belanjawan kementerian yang berkenaan. Bersama saya terdapat 1 senarai bagi Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta dalam perbincangan bagi Tajuk ini. Maka saya persilakan sekarang Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
 dan salam sejahtera. Lebih dahulu izinkan kaola untuk merakamkan penghargaan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan atas mukadimah Peruntukan Perbelanjaan 2017/2018, Kementerian Perhubungan yang telah disampaikan pada petang hari Khamis lepas. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola sukacita mengajukan persoalan dalam 6 perkara.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli Yang Berhormat. Oleh sebab ada 6 perkara jadi saya cadangkan supaya dibahagi 3 dahulu dan selepas itu dijawab oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Selepas itu baharu 3 soalan yang lain lagi. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

1. Kaola ingin merujuk mukadimah Yang Berhormat Menteri Perhubungan yang menyatakan Terminal Kontena Muara telah diswastakan kepada *Darussalam Asset* dengan harapan Pelabuhan Muara dapat diurus tadbir dengan cekap dan berkesan dan dipromosikan sebagai destinasi perdagangan *transit* dan eksport proses zon.

Pertanyaan kaola, Terminal Kontena Muara telah diambil alih oleh *Muara Port Company* iaitu *MPC* iaitu syarikat usaha sama antara *Brunei Darussalam Asset Sendirian Berhad* dan *Guangxi Beibu Gulf International Port Group Co. Ltd* dari Negara China. Kaola ingin bertanya:

- I. Apakah perkembangan Terminal Kontena Muara setakat ini dan perancangan syarikat ini setelah pengambilan alih terminal tersebut?; dan
- II. Adakah dengan perubahan ini akan dapat memberikan peluang

pekerjaan jua kepada pencari-pencari kerja?

2. Kaola cadangkan dalam Tajuk SN05A - Jabatan Pengangkutan Darat. Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin menghadapkan cadangan di dalam Dewan yang mulia ini mengenai Cukai Jalan yang dikenakan kepada kenderaan, yang kaola maksudkan bukanlah kenderaan persendirian, komersial, sewa tetapi ialah kenderaan yang digunakan bagi menunaikan kerja-kerja ibadah atau fardu kifayah iaitu kereta jenazah.

الْحَمْدُ لِلَّهِ di Negara Brunei Darussalam ini beberapa orang tertentu dan pihak-pihak organisasi telah mewakafkan kereta jenazah kepada beberapa buah masjid bagi tujuan melaksanakan kerja-kerja dan ibadah. Kerja-kerja wakaf ini sangat-sangatlah dituntut dalam Islam. Kenderaan jenazah yang diwakafkan ini buat masa ini dikenakan cukai jalan walaupun ia lebih memberikan perkhidmatan kepada orang Islam.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola sukacita memohon yang Berhormat Pengerusi agar Jabatan Pengangkutan Darat, Kementerian Perhubungan akan dapat menimbangkan supaya kereta jenazah ini dikecualikan

daripada membayar cukai jalan kerana ia bukanlah bagi tujuan persendirian atau komersial.

3. Kaola ingin menyentuh mengenai keselamatan jalan raya yang sekarang ini sangat membimbangkan dengan kejadian kemalangan jalan raya melibatkan kenderaan berat, trak, bas yang menyebabkan cedera parah dan juga kematian. Dari pengamatan kaola kebanyakan kenderaan, trak dan bas sering dipandu dengan laju melebihi had laju yang telah ditetapkan. Perkara ini sangat serius dan boleh mendatangkan malapetaka kepada pengguna jalan yang lain. Sikap pemandu-pemandu kenderaan berat yang tidak bertanggungjawab ini perlu dibendung dan ditangani segera.

Memang diakui adalah sukar bagi pegawai penguat kuasa yang ada memantau seratus peratus dan sepenuh masa perkara ini. Jika pun diusahakan ia memerlukan pegawai yang ramai dan kos yang tinggi. Oleh itu, kaola ingin mencadangkan kepada Kementerian Perhubungan untuk memperkenalkan sistem pemantauan dengan pengawalan sistem *black box* iaitu kotak hitam kepada kenderaan berat, trak dan bas-bas besar seperti mana yang telah dikuatkuasakan di negara-negara lain. Sebagai contoh Malaysia, semua kenderaan berat dan bas besar dimestikan

memasang kotak hitam tersebut untuk membolehkan kenderaan tersebut dapat dipantau had kelajuan yang dipandunya. Kebaikan sistem ini :

- i. Membolehkan pemantauan dan penguatkuasa kenderaan berat, trak dan bas besar dipandu dengan had laju yang dibenarkan;
- ii. Meningkatkan penguatkuasaan kenderaan berat secara berkesan dengan sepenuhnya; dan
- iii. Akan mengurangkan kejadian kemalangan yang dahsyat yang melibatkan cedera parah dan kematian.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin mengajukan lagi dalam Tajuk.

Yang Berhormat Pengerusi: Disarankan Yang Berhormat berhenti dulu bagi membolehkan Yang Berhormat Menteri Perhubungan menjawab, selepas itu Yang Berhormat boleh meneruskan soalan Yang Berhormat. Silakan.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola akan sedaya upaya untuk menjawab soalan-soalan yang diutarakan. Jika sekiranya ada perkara-perkara yang kaola memerlukan maklumat lanjut kaola memohon izin menjawabnya pada waktu yang lain di dalam Dewan ini ataupun di luar Dewan ini.

Lebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed, kerana membangkitkan 3 perkara yang berhubung dengan Terminal Kontena Muara, isu mengenai cukai jalan dan mengenai keselamatan jalan raya.

Nampaknya persoalan pertama untuk menghargai apa yang diusahakan oleh Kementerian Perhubungan dan juga kementerian-kementerian yang ada berhubung dengan Sistem Perdagangan Antarabangsa ataupun *Cross Border Trading*.

Lebih dahulu kaola ingin memberi penerangan mengenai isu-isu yang berbangkit mengenai peranan Jabatan Pelabuhan Muara dalam memberi kemudahan perdagangan antarabangsa. Isu menswastakan Jabatan Pelabuhan Muara, bukan satu isu yang baharu malah kita sudah melalui beberapa pengalaman dalam menswastakan perkhidmatan Pelabuhan di Muara.

Pernah dulu kita menswastakannya kepada satu syarikat di negara jiran yang nampaknya dari segi progres yang dilaksanakan begitu menggalakkan, jika

dibandingkan dengan progres selepas itu ataupun sebelum Pulau Muara Besar diswastakan kepada *Darussalam Asset*.

Apa yang kita harus faham mengenai kemasukan ataupun keluaran barang ini, ia berkait rapat dengan ekonomi kita sendiri sejauh mana kita mempunyai *volume* yang banyak untuk menarik kapal-kapal laut untuk datang ke Negara Brunei Darussalam dan sejauh mana kita dapat mengeluarkan barang-barang itu untuk dieksport.

Salah satu perkara merupakan satu cabaran kepada kita dan kita berhasrat untuk menjadikan *Muara Port* itu sebagai satu hub terutamanya bagi *BIMP-EAGA*.

Ini merupakan satu inspirasi yang begitu baik dan realistik memandangkan bahawa hubungan kerjasama antara negara ASEAN dan khususnya negara *BIMP-EAGA* adalah begitu rapat dan negara-negara *BIMP-EAGA* pada masa ini berusaha meningkatkan hubungan pengangkutan, perdagangan dan kawasan-kawasan *BIMP-EAGA* ini untuk ditingkatkan kepada peringkat yang lebih menggalakkan lagi.

Dengan adanya kenyataan ini, munasabah bagi kita untuk memikirkan bahawa Jabatan Pelabuhan Muara mempunyai peranan yang penting untuk memberikan kemudahan perdagangan. Apa yang penting, harus dipastikan sejak beberapa tahun kebelakangan, keadaan import dan eksport kita begitu mendatar keadaannya bukannya semakin meningkat. Ia bergantung pada keadaan ekonomi dalaman di Negara Brunei Darussalam.

Dalam suasana kita menghadapi cabaran-cabaran ekonomi sudah setentunya pengimportan barangan akan menurun. Terjadi penempatan daripada perkhidmatan *port* ketika ini menurun daripada 100 lebih ribu kontena kepada 96 ribu kontena sahaja dalam setahun. Sedangkan dalam kapasiti, kita boleh menerima kontena sebanyak 220 ribu kontena setahun.

Ini bermakna kita menghadapi satu keadaan apa yang dipanggil *over capacity*. *Over capacity* ini diikuti dengan suasana *unemployment* tinggi dan ini merupakan satu perkara yang membimbangkan. Kita harus berfikir secara di luar kotak pemikiran, memikirkan dan memahami mengenai sistem perkapalan antarabangsa dan serantau ataupun sistem logistik untuk memastikan bahawa Negara Brunei Darussalam khususnya *Port Pulau Muara Besar* itu masih relevan.

Dari itu, kita pelajari dari pengalaman negara-negara yang terlibat dalam pengeksporan, seperti China, Jepun, Singapura. Apabila kita mempunyai kerjasama dengan perkhidmatan *port* seperti beberapa tahun yang lalu nampak adanya *transshipment* yang semakin naik.

Semasa *PSA* Singapura kita dapat menerima *transshipment* sebanyak lebih daripada 30,000 *containers* dalam setahun merupakan satu pergerakan tetapi sejak itu apabila dipindahkan perkhidmatan kepada syarikat lain *transshipment* kita menurun.

Perlunya ada satu pemikiran bahawa peranan Jabatan Pelabuhan sebagai *regulator* harus dibezakan, jangan

terlibat sebagai *operator*. Jabatan Pelabuhan harus memikirkan untuk menghubungkan *strategic partnership* dengan syarikat-syarikat lain yang didatangkan dari negara yang mempunyai eksport yang besar yang **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan mendatangkan akses eksport dari negara-negara berkenaan ke Negara Brunei Darussalam.

Makanya, Kementerian Perhubungan seperti yang saya tegaskan tadi Yang Berhormat Pengerusi pada hari Khamis lepas, Kementerian Perhubungan mengalu-alukan pembentukan satu *joint venture* dengan syarikat dari *China*.

Memandangkan bahawa negara *China* adalah merupakan salah sebuah negara eksport yang besar dengan harapan terbuka peluang-peluang lain untuk menjadikan *port* Negara Brunei Darussalam ini sebagai *transshipment point* untuk menghantar barang Negara Brunei Darussalam dahulu sebelum dihantar ke tempat lain.

Mengambil *advantage* dari kapal-kapal yang datang ke Negara Brunei Darussalam penuh tetapi apabila bertolak dari Negara Brunei Darussalam kosong. Ini kenyataan yang harus kita terima.

Adalah penting bagi Negara Brunei Darussalam yang Kementerian Perhubungan memikirkan bahawa memang ada cara lain dan salah satu daripada cara lain ialah untuk membezakan peranan Jabatan Pelabuhan sebagai *regulator* dengan peranan syarikat sebagai *operator* untuk memberi perkhidmatan pelabuhan.

Seterusnya untuk merangka strategi ke mana kita dapat meluaskan lagi ataupun memperbesarkan lagi peranan Pelabuhan Muara sebagai *transshipment* dan juga eksport *processing zone*.

الْحَمْدُ لِلَّهِ satu pelancaran *Muara Port Company* telah diadakan pada 21 Februari 2017. Seperti yang kaola terangkan dalam satu jangka masa yang pendek belum lagi sampai sebulan ini sudah banyak perubahan yang telah dibuat. Ini menunjukkan syarikat berkenaan mempunyai pengalaman yang banyak mengenai pengurusan kargo. Kita mempunyai beberapa cabaran:

1. Memandangkan bahawa negara ini *attraction* dari segi *volume* itu sedikit. Maka kita harus berfikir secara yang di luar dari apa yang ada pada masa ini;
2. Kita juga mempunyai *geographical contain* yang *turnaround time* bagi kapal untuk datang ke Negara Brunei Darussalam memunggah barang-barang sekarang ini sampai ke 31 jam dari sebuah kapal masuk dan keluar memakan masa sampai 31 jam. Ini merupakan bukan satu masa yang diinginkan oleh pihak-pihak kapal, memandangkan kapal ini kalau ia membuat untung harus terus belayar bukannya berlabuh. Kalau pelabuhan itu memakan masa yang lama kapal-kapal akan kehilangan peluang-peluang untuk perdagangan;
3. Cabaran arah kita *emerging economies* di sekeliling Negara Brunei Darussalam ini. Kita berharap

agar *Muara Port* itu sebagai *hub* tetapi cabarannya tempat-tempat lain *emerging*. Di tempat-tempat jiran lebih laju *progressnya*. Tempat-tempat ini juga mempunyai penduduk-penduduk yang besar kapal-kapal besar lebih suka untuk menuju ke sana dari menuju ke tempat kita sendiri;

4. Sistem Perkapalan Antarabangsa seperti yang pernah kaola katakan. Kapal-kapal ini sudah *trained* menjadi besar bukannya kapal-kapal yang digunakan adalah kapal yang besar. Kapal-kapal besar akan menuju ke ekonomi yang pesat.

Kita akan terpencil kalau kita tidak memikirkan satu perkara dengan cepat dan harus menghubungkan Negara Brunei Darussalam ini dengan Sistem Perkapalan Antarabangsa ini. **الْحَمْدُ لِلَّهِ** *Darussalam Asset* mungkin dalam perkara ini akan dapat diterangkan oleh rakan saya yang terlibat dalam perkara ini. *Darussalam Asset* telah merangka strategi:

- i. Berkait rapat menubuhkan satu *Strategic Partnership* dengan syarikat-syarikat yang berpotensi untuk menjadikan Pulau Muara itu satu *port* yang relevan yang dapat diperluaskan; dan
- ii. Mengadakan perkhidmatan perkapalan kita sendiri. Kaola melihat perkhidmatan

shipping akan memainkan peranan penting sama ada untuk menghubungkan *Muara Port* itu kepada Sistem Perkapalan Antarabangsa atau memberi perkhidmatan-perkhidmatan *feeder services*.

Seperti yang kaola terangkan dalam jangka masa yang belum sampai sebulan ini sudah banyak perubahan dari segi *facilities* (kemudahan) ataupun *crane services* sudah diperbaiki dan waktu-waktu memunggah barang-barang sudah pun menjadi pendek.

Sebagai contoh *vessel time at berth*, waktu kapal itu berlabuh sudah turun dari 16 jam kepada 13 jam. Pemunggahan *on time* dari 1 jam turun kepada 35 minit. Pergerakan *cranes* dari 26 *moves* setiap 1 jam meningkat kepada 26.5 pergerakan setiap 1 jam. Ini perubahan-perubahan yang menggalakkan. **الْحَمْدُ لِلَّهِ** dengan adanya perubahan ini kapal-kapal dari negara lain sudah mula memikirkannya. Di Brunei laju sudah tu, *you can go there* baru ke Kota Kinabalu dan sebagainya.

Begitu juga dengan tujuan membesarkan lagi *berthing area* iaitu tempat pelabuhan yang akan dimasukkan dalam projek pembangunan yang sudah diperuntukkan kira-kira dalam \$50 juta. Ia berhasrat untuk meluaskan lagi pelabuhan itu dengan harapan pelabur-pelabur asing dari negara-negara lain mempunyai keinginan untuk membuat perancangan yang membawa keuntungan kepada syarikat berkenaan.

Inilah tujuan yang sebenarnya. Barangkali mudah-mudahan akan dapat menjawab soalan pertama yang diajukan oleh Yang Berhormat.

Cadangan untuk meniadakan cukai jalan atau lesen kenderaan kepada kenderaan jenazah. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** kaola sendiri apabila mendengar cadangan ini merupakan satu cadangan yang baik. Tidak dapat kita tolak untuk dipertimbangkan.

Kementerian Perhubungan dan Jabatan Pengangkutan Darat maklum bahawa kebanyakan kenderaan ini merupakan satu kewajipan ataupun kebajikan daripada mereka yang menjadikannya sebagai sedekah jariah. Ini juga merupakan salah satu kewajipan fardhu kifayah kepada orang sekeliling untuk menyempurnakan jenazah yang akan disempurnakan itu. Cuma ada beberapa perkara yang ingin kaola terangkan:

1. Memandangkan ini merupakan satu kenderaan dan akan dipandu oleh pemandu yang diperuntukkan. Maka masih ada kewajipan pihak-pihak yang berkenaan ataupun pengurus kenderaan tersebut untuk memastikan bahawa kenderaan tersebut adalah *road worthy*.

Ini bermakna kalau sekiranya pun Kementerian Perhubungan ataupun Jabatan Pengangkutan Darat ingin mempertimbangkan sebarang permohonan mengecualikan daripada pembayaran cukai jalan ini tetapi masih diperlukan bahawa kenderaan tersebut harus dihantar untuk diperiksa dan memastikan ia

lulus dari segi pemeriksaan kenderaan yang telah ditentukan.

2. Setiap kenderaan di Negara Brunei Darussalam ini memerlukan *insurance coverage* sama ada untuk pemandu terutamanya bagi komprehensif *policy* ataupun sekurang-kurangnya *third party policy* yang akan memberi jaminan kepada orang ketiga.

Jadinya dua perkara ini, mungkin tidak dapat dipertimbangkan lebih awal kaola memaklumkan, sebab ia melibatkan keselamatan penumpang-penumpang dan pemandu yang akan menaiki bas berkenaan.

Walau bagaimanapun dari aspek mengecualikannya daripada pembayaran lesen kenderaan **اِنْ شَاءَ اللّٰهُ** perkara ini akan kaola tunduki dan akan berbincang dengan pihak-pihak berkenaan yang mengawal peraturan mengenai pembayaran cukai jalan. Terima kasih.

3. Mengenai trak, bas dan kenderaan berat. Kaola amat berterima kasih kepada Yang Berhormat kerana membangkitkan perkara ini sebab perkara ini memang merupakan satu perkara yang begitu diambil perhatian oleh pihak Jabatan Pengangkutan Darat, bermacam-macam usaha dan pemikiran telah diadakan bagaimana cara untuk mengatasi masalah kenderaan-kenderaan berat yang dipandu dengan begitu laju.

Pernah ketika ini, kitani mengadakan sistem *speed warning device*. Yang masalahnya dengan *speed warning device* ini ialah kalau kitani menguatkuasakan undang-undang ini, ia macam tangkap lari. Ada yang dapat ditangkap, tapi kebanyakannya yang lari. Jadinya dari keberkesannya, memang berkesan, kerana apa kalau sekiranya kesalahan itu terlalu meluas, mudah menangkap.

Tapi ada masalah lain jua, yang berhubung dengan penyelesaian masalah itu sehingga sebelum kitani memperkenalkan sistem, semua kesalahan kenderaan ini dikompaun, hampir 800 kesalahan telah dirujuk kepada mahkamah dan belum diselesaikan.

Jadinya serba salah mengenai aspek penguatkuasaan. Ditingkatkan penguatkuasaan banyak lagi proses yang akan diambil, terutama yang berhubung dengan pelaksanaan proses mahkamah. Ini menyebabkan sebanyak hampir 800 *cases backdated* di Negara Brunei Darussalam ini sehinggakan pihak-pihak berkenaan merasa adalah wajar supaya kesalahan itu dikompaun sahaja. Didenda terus apabila seseorang itu didapati melanggar undang-undang dan peraturan jalan raya. Itu untuk memudahkan proses mahkamah. Ini harus difahami.

Walaupun demikian, masih terdapat banyak kemalangan yang berlaku yang bukan disebabkan oleh kelajuan sahaja, tetapi terutamanya yang berlaku di Jalan Tutong, yang trak

tersebut bukan dikhususkan untuk kenderaan berkenaan membuat *U-Turn*, mereka gunakan untuk *U-Turn*, sehinggakan banyaknya *misuse* berlaku dan pernah beberapa kemalangan telah berlaku.

Kementerian Perhubungan dan Jabatan Pengangkutan Darat berfikir usaha menjaga keselamatan di jalan raya ini tidak dapat diserahkan sepenuhnya kepada Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya sahaja. Mesti ada penglibatan dari pihak yang mengendalikan kenderaan berat.

Salah satu usaha Jabatan Pengangkutan Darat Yang Berhormat Pengerusi ialah untuk meminta setiap pengendali kenderaan berat menunjukkan kepada Jabatan Pengangkutan Darat apakah usaha yang mereka akan ambil dalam memastikan bahawa setiap kenderaan berat itu, akan memenuhi syarat-syarat dan peraturan jalan raya.

Apakah *safety* ataupun *security measure* yang akan mereka keluarkan untuk memastikan setiap pemandu akan mematuhi peraturan-peraturan jalan raya.

Dari segi teknologi, ketika ini Jabatan Pengangkutan Darat berfikir mungkin *speed warning device* itu tidak lagi efektif. Sekarang ini teknologi *ICT* sudah banyak. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* salah satu pemikiran yang sedang dicadangkan dan perkara ini sudah pun *ditunduki* dan menunggu masa payu sahaja lagi ialah dengan menggunakan *GPS System*. Mungkin ini sama dengan '*black box*' yang digunakan di luar negeri, ia berasaskan kepada teknologi *ICT*.

Ini akan memberi gambaran yang tepat mengenai *speed* dan jalan-jalan yang dilalui. Tidak dapat diubah ataupun di *tempered*. So ini *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* selaras dengan cadangan Yang Berhormat tadi untuk mengadakan *black box* ataupun *GPS System*, salah satu perkara yang pada masa ini *ditunduki* dan difikirkan sedalam-dalamnya bagaimana untuk melaksanakannya.

Tapi apa yang ingin ditekankan bahawa keselamatan di jalan raya adalah tanggungjawab bersama bukan diserahkan kepada Jabatan Pengangkutan Darat sahaja, tapi pengeluar-pengeluar kereta, pengendali kereta-kereta berat harus juga mengambil tanggungjawab apakah aspek-aspek keselamatan jalan raya yang dapat mereka laksanakan untuk memastikan pemandu-pemandu itu bertanggungjawab untuk mematuhi peraturan dan undang-undang jalan raya.

Itu sahaja yang dapat kaola terangkan Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih jua kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan yang telah menjelaskan perkara-perkara yang telah kaola ajukan. Untuk menyambung perkara-perkara seterusnya. *الْحَمْدُ لِلَّهِ* kita melihat keadaan pada masa ini iaitu seperti mana kaola maksudkan ialah di kawasan Mukim Serasa, prasarana yang telah dibina

makin bertambah termasuklah Projek Pulau Muara Besar dan pembangunan rumah persendirian dan termasuklah Projek Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Mengenai perhentian bas. Pada masa ini terdapat terminal iaitu perhentian bas yang telah dibina oleh Kementerian Perhubungan. Dalam kesempatan ini, kaola merakamkan ucapan penghargaan tahniah dan terima kasih kepada pihak Kementerian Perhubungan atas usaha dan melaksanakan projek terminal bas yang baharu dibina di kawasan Pekan Muara. *الْحَمْدُ لِلَّهِ* terminal tersebut telah pun siap dilaksanakan. Kaola ingin mengajukan persoalan mengenai terminal ini. Bilakah bangunan tersebut akan mula beroperasi?

Mengenai perhentian Dermaga Feri Terminal Muara. Memindahkan kawasan Dermaga Feri Terminal Muara atau membina kawasan jalan masuk dan keluar, seperti halnya kawasan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei Berakas sebagaimana semua maklum Dermaga Feri Terminal Muara adalah satu pintu keluar masuk bagi pelancong ke negara ini.

Ia melambangkan imej negara. Apa yang terdapat pada masa ini bangunan tersebut masih belum memuaskan kepada pelancong-pelancong, apatah lagi kepada anak-anak tempatan kitani. Kaola ingin mengajukan apakah perancangan Kementerian Perhubungan dan sejauh ini melihat kepada bangunan tersebut tidak seperti bangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei?;

Kita melihat jalan masuk dan keluar oleh pelancong-pelancong dari luar negara melalui darat terdapat jalan yang berlubang-lubang (berlopak) yang menyusahkan pengguna jalan raya yang melalui jalan itu dan mengenai perkhidmatan telekomunikasi, seperti bekalan telefon rumah, penyambungan *internet* dan juga penerimaan isyarat bagi telefon bimbit di kawasan RPN Meragang dan Tanah Jambu. Perkara ini pernah diutarakan oleh penduduk kampung bahawa talian telefon di rumah persendirian dan *internet* belum ada di kawasan berkenaan.

Status terkini sehingga bulan Ogos tahun lepas terdapat pemasangan *Cable Optic* di kawasan berkenaan. Pertanyaan kaola, bilakah perkhidmatan telekomunikasi ini boleh diguna pakai?

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Sebelum kaola menjawab 3 soalan tambahan yang diutarakan oleh Yang Berhormat, ingin kaola menambah cadangan kaola yang tidak lengkap tadi yang menyentuh mengenai peluang pekerjaan dari penswastaaan Pelabuhan Muara.

Sebelum kaola menerangkan mengenai peluang-peluang pekerjaan ini, kitani harus faham industri maritim ataupun perkhidmatan pelabuhan adalah merupakan satu perusahaan yang signikal, yang bermaksud signikal bermakna suasana dalam keadaan ekonomi yang baik dan peluang pekerjaan itu akan bertambah.

Apabila suasana itu berubah terutamanya apabila suasana itu di luar dari jangkauan kitani sebagai contoh seperti juga menurunnya harga minyak dan gas. Jadinya, akan timbul keperluan tenaga pekerjaan itu akan berkurangan, dalam hal ini kitani harus faham akan *the nature of business* ia signikal, ada masa naik dan ada masanya turun.

Dalam usaha kitani menyediakan pekerjaan untuk rakyat dan penduduk di negara ini, kitani harus faham di peringkat mana yang kita mahukan bagi rakyat di Negara Brunei Darussalam mengambil alih pekerjaan tersebut.

Di negara lain apa yang berlaku, sandaran kepada pekerja-pekerja asing itu masih tinggi malahan memudahkan mereka bila mana suasana keadaan ekonomi itu berkurangan, dikurangkan sahaja pekerja-pekerja asing itu dan pekerja-pekerja tempatan masih tetap menetap di tempat yang lebih *permanent*.

Inilah yang kitani harapkan dan semoga pekerjaan yang disediakan untuk anak-anak tempatan adalah pekerjaan yang tetap dan apa pun suasana keadaan ekonomi negara kita nanti yang akan menjejaskan perindustrian maritim. Ini merupakan di peringkat pengurusan, teknikal dan sebagainya.

الْحَمْدُ لِلَّهِ dengan adanya pembentukan *Aman Shipping dan Muara Corporation*, إِنَّ شَاءَ اللَّهُ ini akan memberi peluang pekerjaan lagi kepada anak-anak tempatan dan dalam keadaan kitani memerlukan tenaga untuk memastikan operasi *Aman Shipping* dan Pelabuhan Muara akan berjalan seperti sediakala

dan kitani juga memerlukan proses latihan dan sebagainya. Maka, lebih ramai lagi pekerja yang diperlukan untuk memenuhi hasrat *Darussalam Asset* bagi melaksanakan pemberian perkhidmatan Pelabuhan Muara. Mudah-mudahan akan memberikan peluang lagi pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

Seterusnya mengenai soalan beberapa prasarana yang dibangunkan di kawasan Muara. Khusus yang berhubung dengan Perhentian Bas. Perkara ini sudah pun selesai dibina. Kementerian Perhubungan sedang dalam proses meningkatkan sistem pengangkutan bas awam. Salah satu perkara yang harus difahami mengenai sistem baharu ini ialah konsep *bus terminal*.

Mungkin konsep *bus terminal* dengan sistem yang baharu ia tidak lagi relevan kerana kitani memerlukan bas itu sentiasa bergerak sehingga waktunya itu sudah cukup beberapa jam akan diganti dengan bas lain. Ini bermakna, *bus terminal* di Bandar Seri Begawan pun mungkin pada satu masa tidak diperlukan lagi.

Walau bagaimanapun, kemudahan itu akan disediakan kepada pengendali-pengendali bas yang ingin menggunakan kemudahan untuk menempatkan bas-bas mereka. Konsep yang akan diperkenalkan oleh Kementerian Perhubungan ialah *passenger terminal* bukannya *bus terminal* kitani mahu bahawa penumpang boleh datang awal menunggu bas dan sementara menunggu bas itu mereka boleh minum, membeli-belah dan sebagainya.

Itulah fasiliti moden yang diharapkan untuk diadakan. Beberapa tempat telah dikenal pasti dan mudah-mudahan projek ini akan dapat dijadikan sebagai peluang *PPP* kepada pihak swasta untuk membangunkannya dan menyewakan kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk membuka bisnes di *passenger terminal* tersebut.

Dengan adanya perubahan konsep terminal ini, apa yang kitani ingin gunakan perhentian bas ini ialah dikhususkan untuk pengendali-pengendali bas menggunakan fasiliti ini. Pengendali bas boleh menggunakannya, mengusai dan membeli minyak sebelum beroperasi memberi perkhidmatan bas.

Terima kasih atas cadangan Yang Berhormat mengenai feri terminal. الحمد لله dari segi pemikiran Yang Berhormat adalah sama dengan Kementerian Perhubungan, sebab apa yang kitani harus fahami feri terminal adalah tempat kemasukan Negara Brunei Darussalam yang berlakunya *international transport system*. , إن شاء الله mudah-mudahan satu masa, apabila penumpang yang datang dari Labuan ke Negara Brunei Darussalam, tiket yang digunakan untuk membayar feri itu dapat juga digunakan untuk membayar bas ke Bandar Seri Begawan. Bermakna ada 2 modul iaitu *water transportation and land transportation*.

Jadinya, konsepnya itu akan diubah dan dengan demikian إن شاء الله *ferry terminal* akan menjalani beberapa proses pengubahsuaianya untuk memberikan kemudahan-kemudahan seperti perhentian bas dan juga perhentian

teksi. *الْحَمْدُ لِلَّهِ* teksi sudah mula beroperasi dan mudah-mudahan *the idea of interconnectivity* dan juga *multi-model transport system* ini dapat direalisasikan dengan mengadakan sistem pengangkutan yang *seamless* iaitu dari pengangkutan laut ke pengangkutan darat.

Hanya yang kitani harapkan macam juga di beberapa tempat di Bandar Seri Begawan, semua yang menggunakan bot dari Daerah Temburong ataupun mana-mana tempat akan menggunakan sistem yang sama untuk menggunakan pengangkutan bas di Bandar Seri Begawan. Itulah harapan Kementerian Perhubungan dalam usaha untuk mempertingkatkan *Land Transport System* di Bandar Seri Begawan.

Bermakna tempat-tempat ini akan menjalani proses-proses untuk memberi perkhidmatan kepada orang ramai ataupun penumpang-penumpang yang akan menggunakan sistem *transport* berkenaan.

Mengenai jalan raya yang rosak di tempat keluar masuk, perkara ini telah dimaklumkan kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk memberi perhatian sewajarnya. Abis kaola maklum ia merupakan satu cabaran yang besar dalam memastikan *trucks* ataupun jentera berat membawa muatan yang berat mematuhi peraturan-peraturan jangan ada yang melimpasi had muatan dibawa dari Pelabuhan Muara ke tempat yang dituju. Ini bukan sahaja di kawasan di Jalan Muara juga di tempat-tempat lain kitani melihat keadaan ini

menjejaskan jalan raya di Negara Brunei Darussalam.

Perkara ini sudah dibincangkan dengan pihak Pelabuhan Muara bahawa salah satu cadangan ialah untuk mengadakan sistem timbangan seperti yang ada di tempat pengangkutan batu ataupun *aggregate* di Muara. Semua *trucks* yang akan meninggalkan tempat itu, akan lebih dahulu ditimbang dan tidak melebihi jangka berat yang ditetapkan.

Mudah-mudahan dengan perundingan bersama pihak Pengurus Pelabuhan Muara juga menimbangkan bagaimana caranya untuk memastikan bahawa kenderaan-kenderaan tersebut tidak melebihi muatan yang ditetapkan.

Persoalan yang terakhir Yang Berhormat Pengerusi iaitu mengenai perbekalan perkhidmatan telekom di tempat-tempat perpindahan. Sebenarnya kaola ingin berpanjang lebar sedikit Yang Berhormat Pengerusi kalau sekiranya tidak ada masalah mengenai perkara ini.

Seperti yang kitani maklum bahawa perkhidmatan-perkhidmatan telekom sudah diswastakan dan beberapa buah *service provider* ataupun syarikat pengendali telekom seperti *Telbru*, *DST* dan *PCSB* telah berusaha sedaya upaya untuk memberi perkhidmatan-perkhidmatan terutamanya di tempat-tempat yang belum dilengkapi dengan sistem *fibre-to-the home* ataupun pancaran-pancaran itu terhad kepada satu tempat.

Jadinya untuk menjawab soalan ini, ada 2 pendekatan yang dapat kitani pertimbangkan:

1. Melalui kerajaan sendiri untuk menyediakan peruntukan ataupun dengan cara;
2. Perkhidmatan itu diswastakan dengan meminta syarikat-syarikat berkenaan untuk meningkatkan lagi usaha ke atas pemberian perkhidmatan-perkhidmatan telefon itu.

Memandangkan *ICT* ini merupakan satu *public goods*. *Public goods* ini mesti ada *accessibility* tidak ada sebab mana-mana pihak ataupun lapisan masyarakat yang terkecuali dalam usaha untuk meningkatkan pembangunan ini. Kitani telah menerima kenyataan bahawa perhubungan ataupun dalam konteks *ICT* ataupun *internet* adalah menjadi salah satu aspek penting dalam kehidupan kitani seharian.

Begitu juga dalam kitani bermasyarakat dan bernegara, *ICT* ini merupakan *a pack of life* sudah. Sebab apa, melalui *internet* kitani mampu meningkatkan ilmu pengetahuan dan menaikkan taraf hidup kitani dengan memanfaatkan segala maklumat yang boleh diperolehi dari *internet* ataupun akses kepada perkhidmatan telekom. Ini bererti *ICT* mampu untuk membentuk peredaran zaman kerana sudah ada apa yang dipanggil sebagai *digital economy*, *smart society*, masyarakat pintar dan *smart nation*.

Jadinya, Yang Berhormat, bukan sahaja memikirkan kepada kawasan-kawasan yang di bawah pemantauannya sahaja dan kaola pasti Ahli Yang Berhormat pun ingau mengenai perkara ini di tempat-

tempat yang lain. Ini merupakan satu kebimbangan yang sama.

Kesedaran Kementerian Perhubungan adalah jelas untuk menjaga kepentingan rakyat dan memastikan bahawa setiap pembangunan dan perkembangan itu hendaklah seimbang. Jangan ada orang tinggal di bandar ganya dapat ampit *all these facilities*, tapi orang di luar bandar tidak dapat, sebab apa? *For commercial reason* ataupun apa. Ini merupakan satu isu yang dibangkitkan di mana-mana negara terutama negara-negara luar bandar yang besar, kawasan luar bandar yang besar, penduduk-penduduknya yang berselerak di tempat lain, penduduk yang *sparsely populated*.

Kita harus awas bahawa *ICT* ini mampu untuk membentuk peredaran zaman. Sekarang ini kita sudah *digital economy*. Kalau sekiranya *digital economy* itu untuk memanfaatkan hanya sekelompok masyarakat merupakan satu perkara yang amat menyedihkan.

Lebih penting ialah mengenai ledakan *ICT* ini, semakin cepat semakin deras, hampir di luar dugaan seperti yang kaola pernah sentuh dalam mukadimah pancaran *spectrum 5G* mampu untuk menyampaikan maklumat atau data dari segi suara, gambar dan *video* dengan jarak yang jauh. Sekarang ini kalau kan melihat filem atau semua pakai *iPhone 3G* sahaja tidak lagi payah pakai *internet*. Dulu mesti ada *internet access* baru dapat melihat filem.

Apa yang berlaku dalam sedikit masa lagi ialah semua barang ini ada *signal* yang dipanggil *internet of things* dan akan mengeluarkan maklumat-maklumat

mengenai karakter barang berkenaan, berapa ramai orang memakai, ke mana tujuannya dan mengeluarkan maklumat-maklumat (*informations*) yang ada nilai-nilai perniagaan. Itu kenyataannya sekarang ini.

Kitani tidak boleh ketinggalan dalam *embrace* teknologi ini, kalau kitani ketinggalan mungkin keadaan kitani makin terencil, makin *irrelevant* lagi keadaan kitani. Setiap lapisan masyarakat, setiap penduduk di negara ini harus be *part of this process development*.

Kalau dulu dengan *3G* sahaja sudah membuat cara hidup kitani sedikit berubah, bayangkan kalau dengan *5G* boleh memberi maklumat-maklumat dari tempat yang jarak jauh dari tempat sama ada di laut ataupun di udara.

Memastikan jentera-jentera itu bergerak dengan baik. Itu sahaja sudah merupakan satu perkembangan yang menakjubkan sejauh pengetahuan kaola.

Jadinya apa yang penting ialah untuk kita terus mencapai kemajuan. Kitani harus mempersiapkan rakyat dan penduduk di negara ini dengan peredaran teknologi terutamanya dengan menyediakan prasarana-prasarana seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi.

Kita perlukan prasarana yang mencukupi. Yang penting juga ialah memastikan bahawa setiap perkembangan itu adalah seimbang (*balance*) dari segi kemanfaatannya kepada seluruh lapisan rakyat akan dapat menikmati perkembangan tersebut bukan sahaja dari segi *protection of the*

envoironment atau sebagainya tetapi juga memastikan bahawa semua lapisan rakyat akan dapat menikmati perkembangan itu.

Menyebutkan isu *accessibility* dan mengenai isu dengan *affordability*, ada sesetengah negara apabila tidak dapat mencapai *speed* yang dikehendaki untuk mereka membuat akses ataupun memuat turun (*download*) maklumat-maklumat itu, diberi pula bantuan supaya boleh memuat turun maklumat-maklumat yang memerlukan kelajuan yang tinggi sebagai contoh, kita di Brunei *الحمد لله*, kelajuan yang kita sediakan itu sudah tinggi *25 bits/second* itu merupakan satu perkembangan yang baik. Atas tujuan ini, Yang Berhormat Pengerusi dalam Perintah Telekomunikasi 2001 ada satu peruntukan di bawah Seksyen 58 iaitu untuk melaksanakan rancangan dalam rangka apa yang dipanggil sebagai *Universal Services Obligation*.

Universal Services Obligation ini bertujuan meluaskan penggunaan perkhidmatan telekomunikasi di seluruh Negara Brunei Darussalam khususnya, bagi tempat-tempat yang tidak menerima liputan atau *under surf area*.

Dari pemantauan Kementerian Perhubungan sebanyak 81 buah kampung yang sehingga sekarang ini belum lagi menerima liputan berkenaan dan ini pun banyak yang belum memasukkan beberapa kampung di daerah-daerah Brunei Muara ini. Masalahnya di kampung-kampung ini

penduduknya ada yang dalam 300 orang sahaja.

Dari segi keperluan menara-menara yang akan ditubuhkan kita memerlukan sebanyak 60-65 buah menara lagi dan setiap menara itu harganya kira-kira \$650,000.00. Apa yang diharapkan ialah dengan adanya perancangan *USO* ini, menubuhkan satu dana, iaitu pihak penyelia telekomunikasi membuat komitmen untuk menyumbang kepada dana itu berapa peratus dari pendapatannya digunakan sebagai modal untuk pembinaan infrastruktur.

Kementerian Perhubungan berharap akan dapat dilaksanakan dalam sedikit masa lagi dengan tujuan berunding dengan pihak-pihak penyelia telekomunikasi.

الْحَمْدُ لِلَّهِ , apa yang difikirkan oleh Yang Berhormat itu merupakan satu kebimbangan dari pihak yang berkenaan. Perlunya kita mengambil langkah ini dan meminta kepada pihak yang berkenaan untuk memberi sumbangan kepada pertumbuhan *ICT* di negara ini.

Ini sahaja yang kaola terangkan mengenai usaha Kementerian Perhubungan untuk mengatasi isu yang dipanggil sebagai jurang perbezaan digital ataupun *digital divide* di negara ini. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Perhubungan yang telah memberikan penerangannya yang begitu terperinci

mengenai perkara yang ditimbulkan. Saya persilakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih Yang

Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Kaola mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan atas segala usaha yang dilaksanakan seperti yang disebutkan dalam mukadimah.

Kaola ingin menyentuh mengenai 3 perkara yang mempunyai 4 soalan ataupun cadangan:

1. Tajuk SN05A - Jabatan Pengangkutan Darat (Kod Akaun 001/001) – Pembangunan Dasar. Apakah dasar pihak kementerian untuk menggalakkan pihak kenderaan yang lebih *fuel efficient* terutama sekali kereta *hybrid* yang ada pada masa ini dengan harganya lebih premium daripada harga kereta yang sebanding?
2. Tajuk SN01A – Jabatan Kementerian Perhubungan. Kaola menjunjung tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi beberapa hari yang lalu baginda ada menyentuh bahawa “Ilmu, maklumat, kemahiran boleh diperlukan melalui perkhidmatan teknologi *internet* yang boleh diakses dengan mudah dan cepat ” dan untuk teknologi baharu ini digunakan dengan

sepenuhnya perlulah talian *internet* kita cepat, *reliable* dan *affordable* seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan tadi serta pengguna diberi pengetahuan untuk menggunakan dengan sebaiknya. Mungkin sudah tiba masanya kita mungkin sahaja banyak pesaing tapi juga *service providers* dalam hubungan ini.

Sehubungan dengan itu, selain bagi memastikan menyediakan prasarana, apakah usaha pihak kementerian untuk menggalakkan di Brunei Darussalam untuk mengadaptasi teknologi-teknologi baharu yang menggunakan talian *internet* kelajuan tinggi.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan menyebut mengenai *big data* dan *internet off things* adalah disambut dengan baik, termasuk juga teknologi lain seperti *next generation security system*, *biomatrix* dan *behavioural analytics* dan dalam pendidikan *massive online open course move* bahawa dimana orang dapat belajar melalui online dan teknologi-teknologi lain, *visuality* dan lain-lain teknologi baharu ini yang dijangka akan dapat membantu pertumbuhan pengguna kerajaan dan ekonomi serta eko sistem lainnya seperti pertahanan, perhubungan infrastruktur dan lain-lain?

Tajuk yang sama mungkin menyentuh *AITI* bagi menggalakkan penglibatan

masyarakat *inclusive online participation*, negara haruslah mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan akses ke *internet*, untuk orang ramai termasuk orang-orang yang berada seperti di luar bandar dan juga Orang Berkeperluan Khas serta Orang Kurang Upaya termasuk program pendidikan media.

Program-program ini perlu memberi perhatian asas-asas teknikal *internet* dan juga meneroka bagaimana untuk memanfaatkan penglibatan masyarakat belia dalam mewujudkan dialog dengan masyarakat dan penyertaan syarat *civil engagement*.

Soalan kaola adalah apakah ada usaha pihak kementerian untuk menyediakan platform rasmi *online* untuk masyarakat menyertai dialog muzakarah melalui *internet* ini?

3. Tajuk SN08A - Jabatan Kaji Cuaca (Kod Akaun 002/000). **الْحَمْدُ لِلَّهِ** tahniah diucapkan pihak Jabatan kajicuaca mempunyai laman sesawang serta aplikasi yang cukup mesra kepada pengguna untuk orang ramai mengetahui ramalan cuaca.

Kaola ingin bertanya menyusul semula cadangan yang pernah dibawa di Dewan yang mulia ini kalau tidak silap kaola pada tahun 2014. Adakah negara sudah mempunyai *early warning system* yang cukup *nauzubillahiminzalik*,

sekiranya cuaca lebih ekstrim berlaku seperti tsunami, gempa bumi, ribut dan lain-lain untuk orang ramai mengetahui akan amaran-amaran tersebut. Terutama sekali penduduk di kawasan pedalaman atau yang tidak mempunyai liputan ataupun mungkin liputan rendah? Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat yang membangkitkan beberapa perkara mengenai Jabatan Pengangkutan Darat, mengenai *ICT* dan ramalan cuaca.

Mengenai *hybrid cars*. Kenderaan-kenderaan yang mempunyai *fuel efficiency*. Dasar mengenai penggunaan *fuel efficiency* ini, Jabatan Pengangkutan Darat mengambil *direction* dari Kementerian Tenaga dan Perindustrian yang telah menentukan dasar-dasar kerajaan yang berhubungan dengan *fuel efficiency* dan الْحَمْدُ لِلَّهِ sejauh mana teknologi pada masa kini yang memenuhi akan dipatuhi dan dilaksanakan.

Dengan adanya kenderaan-kenderaan yang berteknologi tinggi pada masa ini bukan merupakan satu perkara yang susah untuk dilaksanakan sebab pembekal-pembekal kereta mempunyai kesedaran mengenai perkara ini.

Mengenai *hybrid car* banyak perkembangan yang positif. Beberapa syarikat, pelabur-pelabur dari luar

negara pun ada menunjukkan minat melabur di negara ini untuk mengeluarkan kereta *hybrid, referring to electric cars specifically*, kereta-kereta jentera elektrik.

Untuk penjelasannya Jabatan Pengangkutan Darat mengalu-alukan perkembangan-perkembangan ini dan mudah-mudahan perkara ini akan dapat dilaksanakan, tapi apa yang penting ialah mengenai infrastruktur yang harus disediakan lebih dahulu terutamanya *charging station* khususnya harus diadakan di seluruh negara.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ dengan adanya perancangan-perancangan untuk menubuhkan syarikat-syarikat pengeluar kenderaan yang *hybrid*, mudah-mudahan perkara ini akan dapat dilaksanakan lagi dengan jayanya.

Tadi ada *spesifik* cadangan yang berhubung dengan rancangan untuk mengadakan forum rasmi *online* supaya ada perbincangan. Ini mungkin lebih mirip kepada pihak-pihak yang lain sebagai contoh Jabatan Penerangan dapat memberi penjelasan sejauh mana *platform* tersebut dapat diadakan untuk perbincangan orang ramai.

Tapi sejauh penglibatan *AITI* semua perkara ini dengan teknologi yang ada, sama ada rasmi ataupun tidak dapat seperti yang kita maklumi perbincangan atau forum-forum ini memang sudah ada yang berlaku cuma apa yang kita pastikan ialah supaya forum-forum perbincangan itu biar ia menurut adat resam kita dan mematuhi undang-undang yang ada di negara ini.

الْحَمْدُ لِلَّهِ Jangan sampai perkara-perkara itu terkeluar dan kita pun mengamalkan Islam sebagai cara hidup kita. Biar apa yang kita tutur katakan itu mengikut Undang-Undang Islam terutamanya mengeluarkan gambar-gambar yang mengaibkan orang ramai dan membuat tuduhan-tuduhan yang tidak menentu itu sangat mendukacitakan dan akan melumpuhkan harapan kita untuk membawakan forum yang lebih sihat, positif dan dapat memajukan negara kita ke satu peringkat sosial yang lebih baik lagi.

Walau bagaimanapun, mengenai perkara ini, ada baiknya kaola rujuk kepada pihak yang berkenaan memikirkan sejauh mana kesesuaiannya untuk mengadakan satu forum rasmi untuk digunakan sebagai forum perbincangan *online* di negara ini.

Tadi ada menyentuh mengenai dengan prasarana untuk memberi akomodasi kepada teknologi-teknologi baharu.

الْحَمْدُ لِلَّهِ AITI bekerja rapat dengan pengendali-pengendali perkhidmatan telefon khususnya DST, TelBru dan PCSB. Kita mempunyai kerjasama rapat dan mempunyai vision yang begitu *up to date* dan wawasan untuk memastikan bahawa Negara Brunei Darussalam tidak akan ketinggalan dengan perkembangan teknologi baharu ini. Kesedaran mengenai ini

Perkara ini cukup *up to date*, baik dari segi pihak penyelia perkhidmatan dan juga pihak kawal selia ataupun AITI dan perkara ini adalah penting untuk diketahui.

Dengan yang demikian, khususnya pihak DST telah berusaha untuk memberi infrastuktur yang begitu moden (*up to*

date). Seinggakan sekarang ini sudah ada 4G di Negara Brunei Darussalam, kita berpindah dari 3G kepada 4G, yang memberi keupayaan untuk menerima teknologi, kreativiti ataupun inovasi baharu, yang di luar jangkaan kita. إِنَّ شَاءَ اللَّهُ tidak mustahil satu masa kalau kita akan mengadakan 5G, ini bergantung pada perkembangan.

Dalam perkara ini juga, pihak AITI sedang berusaha untuk mengeluarkan konsep-konsep bahawa teknologi baharu ini akan dapat digunakan atau dihargai sebagai contoh konsep-konsep *smart nations, smart society*, macam mana kita membentuk satu negara pintar. Apakah aspek-aspek yang melibatkan untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam itu sebagai *smart nations*?

Semua ini sudah ada dalam perancangan pihak AITI dan إِنَّ شَاءَ اللَّهُ mudah-mudahan perancangan ini akan dapat diberigakan dan terserah kepada pihak swasta/orang ramai untuk memikirkan di mana penglibatan mereka.

Kita tidak seharusnya bersandar kepada pihak kerajaan sahaja untuk mengeluarkan idea-idea ini tetapi terserah kepada pihak swasta idea itu dapat diadakan dan *sustainable*. Kita tidak dapat mengadakan idea-idea yang *sustainable* lagi masa ini sebab apa ia melibatkan perbelanjaan yang besar.

Jadinya dari segi mengadakan satu konsep *smart nations*, banyak perkara yang boleh kita buat, yang boleh mendatangkan keuntungan kepada pihak swasta.

Ini yang sedang difikirkan oleh pihak berkuasa AITI dan juga pihak pengendali telekomunikasi, untuk diberigakan dan digalakkan kepada orang ramai

mengambil peluang untuk menjadi perdagangan kepada orang ramai.

Bukan satu konsep yang 60% atau 70% bersandar kepada perbelanjaan kerajaan. Mungkin itu konsepnya sudah berbeza dengan negara-negara yang lain. Seinggakan memberi maklumat-maklumat itu tidak seharusnya *free* tetapi berperingkat-peringkat (*graduate bases*) sebagai contoh. Inilah permulaan sebagai *a big data* ataupun *I-Cloud* itu dimanfaatkan, yang maklumat itu akan diberikan secara *graduated*.

Yang terakhir mengenai dengan keadaan kaji cuaca ini. Proses Jabatan Kaji Cuaca ini ialah mereka bekerja selama 24 jam (*on 24 hours bases*). Dan seperti yang kaola jelaskan semasa mukadimah, kita memerlukan kaji cuaca ini beroperasi secara *inter perineal operation*. Dimana Jabatan Kaji Cuaca berupaya untuk memberi maklumat yang lebih *detail* (*more advance*) yang diperlukan oleh pihak-pihak tertentu bukannya pihak orang ramai.

Tapi, dari segi memberi *early morning system*, itu sudah memang *the latest* pun kalau sekiranya barang itu terjadi, ia boleh berlaku barangkali dalam 1 jam atau lebih tetapi sebelum itu dapat diberikan secara awal seinggakan 3 ke 4 hari lebih awal sudah dapat di *anticipate*.

Itu pun sejauh yang melibatkan cuaca tapi Yang Berhormat tadi *mention* mengenai *tsunami*, *earthquake* dan sebagainya. Itu di luar daripada penglibatan Jabatan Kaji Cuaca.

Jabatan Kaji Cuaca hanya akan memberi maklumat mengenai angin, hujan dan juga ombak-ombak yang *on the surface* itu, *this are* penglibatan kaji cuaca,

hopefully itu jelas. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Perhubungan. Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin memberikan sedikit penjelasan mengenai soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat berkaitan dengan *early morning system* seperti kejadian tsunami. Bagi Negara Brunei Darussalam perkara ini ditangani bersama oleh *National Disaster Management Centre* (Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan).

Pusat ini bekerjasama dengan *ASEAN Humanitarian Assistance (AHA) Centre* yang berpusat di Jakarta. Maklumat-berkaitan dengan kejadian tsunami, gempa bumi, semuanya akan dikongsi bersama oleh negara-negara *ASEAN* yang disalurkan melalui pusat ini. Kita menerima berita atau hal-hal kejadian di mana-mana negara ini melalui Pusat *AHA Centre* di Jakarta dan ia akan dikongsi sama dengan agensi-agensi yang tertentu di Negara Brunei Darussalam. Terima Kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri atas maklumat tambahan yang telah diberikan mengenai perkara yang dikemukakan. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri

Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السلام عليكم ورحمة الله وبركاته dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola lebih dahulu mengucapkan ribuan terima kasih atas mukadimah dan penerangan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan. Seperti mana yang telah dibangkitkan dalam mukadimah Yang Berhormat Menteri Perhubungan iaitu mengenai pelbagai usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Perhubungan melalui Jabatan Pengangkutan Darat khususnya dalam menaiktarafkan infrastruktur dan kemudahan pengangkutan awam di negara ini agar ia lebih efisien terkawal selia dan mapan.

Salah satu sistem dalam pengangkutan awam yang dipertingkatkan dan dimantapkan ini ialah Sistem Teksi Bermeter Negara Brunei Darussalam yang dilancarkan pada bulan September 2016 sebagai sebahagian daripada Projek Transformasi Sistem Pengangkutan Awam di negara ini.

Perkhidmatan teksi ini telah mula menunjukkan kesan yang positif dengan peningkatan pengguna-pengguna teksi. Manakala imej perkhidmatan teksi ini pula semakin berkembang atas inisiatif Persatuan Pemandu-Pemandu Teksi Negara Brunei Darussalam.

Di samping itu kaola menyambut baik akan usaha pihak Kementerian Perhubungan untuk memperkenalkan sistem *ICT* atau Teksi *mobile application* untuk memudahkan panggilan perkhidmatan teksi selaras dengan perkembangan teknologi global.

1. Apakah ada perancangan bagi pihak Kementerian Perhubungan untuk membantu meningkatkan lagi publisiti perkhidmatan teksi bermeter ini?. Pada hemat kaola belum ramai yang tahu akan perkhidmatan berkenaan termasuklah Talian Pusat Panggilan (*Call Center*). Jika ada kadar tarif yang dikenakan serta lokasi-lokasi penempatan bagi penempatan teksi bermeter ini; dan
2. Beralih kepada perkhidmatan bas awam di Negara Brunei Darussalam. بِالْحَمْدِ لِلَّهِ telah pun menunjukkan peningkatan dari segi *efficiency, reliability and connectivity* yang diharap akan dapat membantu mengadakan satu masyarakat yang dinamik dan seterusnya ekonomi yang *vibrant*.

Adakah perancangan pihak Kementerian Perhubungan untuk memperkenalkan tambang konsesi ataupun *concession fare* khusus bagi golongan warga emas serta Orang Berkeperluan Khas dan Orang Kurang Upaya dalam menggunakan perkhidmatan bas awam ini, sekian. وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang

Behormat Pengerusi. Kaola menghargai pandangan daripada Yang Berhormat mengenai perkembangan teksi bermeter dan perkhidmatan bas awam. Ini adalah penting, mengenai kesedaran orang ramai betapa pentingnya pengangkutan-pengangkutan awam ini. Kalau kita lihat dari segi prespektif perbelanjaan orang ramai yang tinggi di Negara Brunei Darussalam.

Ada 3 perkara yang ditumpukan iaitu:-

1. Ialah mengenai Perumahan;
2. Ialah mengenai Permakanan; dan
3. Yang tinggi dalam kenaikan orang ramai ialah pengangkutan.

Jelas perlunya Kementerian Perhubungan memikirkan alternatif *form of transportation*. Sistem pengangkutan alternatif untuk membolehkan rakyat di negara ini mengurangkan perbelanjaan ke atas pengangkutan.

Mengenai teksi bermeter yang dilancarkan pada September 2016. Sebenarnya perkara ini atas *ketunjungan* ataupun kesediaan pihak-pihak pemandu teksi itu sendiri untuk mempertingkatkan *imej* perkhidmatan mereka dan satu perundingan yang begitu terperinci telah diadakan khususnya yang berhubung dengan kadar tarif yang akan dikenakan. Bagaimana kita untuk memberigakan maklumat mengenai perkhidmatan teksi ini.

Ketika ini jumlah perkhidmatan teksi masih kecil walaupun jumlah pendaftarannya tinggi. Tapi yang beroperasi di Negara Brunei Darussalam ini tidak sampai 50 buah teksi yang melibatkan keempat-empat daerah mungkin tidak termasuk Temburong, Brunei Muara, Tutong dan Kuala Belait ketika ini.

Sistem perhubungan dengan orang ramai atau pun *Taxi call servies* sistem, itu adalah sementara. Ia ditempatkan di Lapangan Terbang Antarabangsa pada masa ini. Tumpuan teksi-teksi, kalau sekiranya ada panggilan nombor yang disediakan itu adalah lapangan terbang punya nombor dan seorang pegawai telah disediakan untuk membantu perkhidmatan teksi untuk menyalurkan maklumat dan keperluan ataupun panggilan teksi itu kepada pemandu teksi.

Tapi kita akan bersandar kepada sistem aplikasi teksi ini seperti di negara lain terdapat seperti *uber, grab taxi* dan sebagainya yang lebih banyak memudahkan orang ramai untuk memanggil teksi melalui telefon ataupun melalui sistem aplikasi.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ perkara ini sudah hampir payu dan mudah-mudahan dapat dilancarkan dalam sedikit masa lagi. Masih menunggu *endorsement* Kementerian perhubungan. إِنْ شَاءَ اللَّهُ pada minggu depan perkara ini akan ditetapkan dan dilancarkan dengan secepat yang mungkin.

Dengan yang demikian, *call center* seperti yang menggunakan *citizen band radio* itu tidak berapa *relevan* lagi di tempat lain pun tidak berapa digunakan lagi makanya Jabatan Pengangkutan Darat lebih bersedia untuk menunggu dahulu sistem aplikasi kerana ia lebih berkesan dan mudah untuk dilaksanakan. Apa yang hanya tinggal ialah pasaran kepada orang ramai supaya menggunakan sistem itu dengan cepat dan mudah.

Ketika ini Kementerian Perhubungan dan Jabatan Pengangkutan Darat sedang mengeluarkan video untuk mempromosikan perkhidmatan teksi ini. 2 perkara yang perlu diingat ialah:-

1. Tarif yang telah disediakan itu adalah *regulated* bermakna tarif itu tidak dapat diubah-ubah tanpa kebenaran dari Jabatan Pengangkutan Darat; dan
2. Sistem sekuriti, pemandu-pemandu teksi mesti memaparkan identiti mereka seperti nama, telefon dan sebagainya untuk memastikan keselamatan perkhidmatan orang ramai dan meningkatkan keyakinan mengenai dengan perkhidmatan teksi di negara ini.

Satu perkara lagi yang perlu difahami ialah mengenai tarif ini mungkin banyak dibangkitkan oleh pemandu-pemandu teksi sama ada tarif itu sesuai ataupun tidak dikenakan. Perlu difahami tarif ini bukannya atas kehendak Kementerian Perhubungan ataupun Jabatan Pengangkutan Darat menentukan berapa

yang sesuainya. Apa yang difahamkan mengenai *demand and supply, forces* dan *market forces* ini, ia berasaskan kepada tarif kalau dinaikkan dan diturunkan berapa ramai orang hendak naik.

إِن شَاءَ اللَّهُ kalau dikaji dari segi pendapatan-pendapatan pemandu-pemandu teksi di negara ini cukup menggalakkan Yang Berhormat Pengerusi, makanya abiskaola menggalakkan orang ramai untuk datang dan barangkali menimbangkan untuk memberi perkhidmatan yang sama. Ketika ini pun Jabatan Pengangkutan Darat membuka permohonan-permohonan sehingga kepada 200 orang lagi untuk memastikan *stability order market* itu sehingga 200 orang untuk rakyat dan penduduk di negara ini berkecimpung dalam pemberian perkhidmatan teksi إِن شَاءَ اللَّهُ

Mengenai bas awam. Perkara mengenai kemudahan-kemudahan untuk warga emas, Orang yang Berkeperluan Khas dan sebagainya. Ini memang salah satu daripada aspek yang akan dipertimbangkan dalam sistem baharu ini. Sistem yang ada sekarang ini pun warga emas atas persetujuan pihak pengendali bas juga diberikan percuma untuk menaiki bas dan juga untuk kanak-kanak yang di bawah umur 7 tahun untuk menggalakkan ibu bapa mereka menggunakan *alternative transportation*.

إِن شَاءَ اللَّهُ dengan adanya sistem baharu semua perkara ini akan dipertimbangkan, bukan dari segi *concession charges* saja

tapi dari segi standard bas itu mungkin ada yang sudah *notice* bas-bas yang ada di Bandar Seri Begawan sekarang ini menggunakan apa yang dipanggilnya sebagai *low floor bus* untuk memudahkan mereka yang Berkeperluan Khas menaiki bas berkenaan. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kita akan memasukkan prinsip cara hidup kita supaya tempat duduk itu diutamakan kepada wanita, orang tua dan juga kanak-kanak. Seperti juga yang berlaku di tempat lain ada *priority seats* kepada mereka yang berkenaan.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ perkara itu sedang dalam pertimbangan Kementerian Perhubungan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. **السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ** dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola dalam menyokong Anggaran Perbelanjaan 2017/2018 Kementerian Perhubungan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan.

Kaola akan bercakap mengenai:-

1. Di bawah Tajuk SN01A - Jabatan Kementerian Perhubungan. Kod Akaun 001/000 iaitu mengenai Pentadbiran dan Pengurusan. Pejabat-pejabat yang jadi tumpuan

orang ramai di kementerian ini adalah seperti Pejabat Pengangkutan Darat, Pejabat Pos, ruang legar Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Oleh itu kaola bertanya, adakah pemikiran jabatan ini untuk membantu mempamerkan contoh-contoh produk Majlis Perundingan Mukim dan Kampung di setiap jabatan yang disebutkan tadi bagi produk-produk tahan lama. Yang pembungkusan menarik dan diakui halal. Jadi dengan cara ini membantu perkembangan produk mukim dan kampung. Kerjasama semua pihak adalah penting untuk membantu mencerahkan masa depan ekonomi negara. Mungkin juga pejabat-pejabat di kementerian lain yang sering menjadi kunjungan orang ramai dapat juga memberikan kerjasama;

2. Di bawah Tajuk SN05A - Jabatan Pengangkutan Darat. Kod Akaun 003/000 - Peningkatan dan Kemajuan Pengangkutan Awam. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat kaola menyentuh tentang *connectivity* atau kesinambungan dari satu destinasi ke destinasi lain seperti mana isi kandungan mukadimah Yang Berhormat Menteri Perhubungan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola menumpukan perhatian di kawasan bandar dan pekan di setiap daerah di negara ini. Iaitu masalah pelancong-pelancong

menuju ke tempat-tempat yang menarik di sekitar bandar dan pekan.

Kaola bertanya, adakah perancangan jabatan ini untuk membenarkan perkhidmatan beca bermotor iaitu jika boleh dan bersesuaian? Hanya merupakan satu cadangan saja bagi mengatasi masalah pelancong berjalan kaki dari hotel melawat ke tempat-tempat menarik dan sebaliknya. Contohnya dari hotel ke Lapau Diraja dan dari Lapau Diraja ke hotel dan sebagainya. Beca-beca ini boleh menunggu penumpang di tempat-tempat tumpuan orang ramai kerana beca mudah melalui lorong-lorong dan jalan raya yang sempit. Dengan perkhidmatan ini memberi peluang pekerjaan dan meningkatkan sektor pelancongan.

Malah khidmat beca ini boleh digunakan untuk menghantar dan mengambil anak-anak sekolah di kawasan yang bersesuaian dan berhampiran. Apa yang kita lihat sekarang ini hanya sejauh 500 meter pun ibu bapa menggunakan kereta. Jadi ibu bapa tidak perlu lagi risau bergegas datang dan keluar pejabat. Kakitangan pejabat pula boleh menggunakan khidmat beca untuk makan tengah hari ke restoran yang berhampiran tidak perlu lagi menggunakan kenderaan.

Jadi dalam membantu kelancaran perkhidmatan ini, pihak berkenaan hendaklah membuat peraturan supaya tidak berlakunya perkhidmatan secara haram dan tidak teratur. Umpamanya perkhidmatan beca ini hendaklah didaftarkan untuk mendapatkan

kebenaran perkhidmatan dan dimestikan mengambil perlindungan insurans dan ditentukan laluan *accessibility*.

Jadi secara tidak langsung untuk perkhidmatan ini menambahkan rangkaian perniagaan. Bagi pengendali yang kreatif pula mungkin menghias beca mereka dengan keindahan yang menarik perhatian penumpang; dan

3. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat. Di bawah Tajuk SN02A - Jabatan Laut. Kod Akaun 001/000 - Pentadbiran dan Dasar dan kemungkinan juga berkaitan dengan Jabatan Pengangkutan Darat. Kita sering melihat *trailer* perahu ditunda sama ada siang atau malam di jalan raya dan lebuhraya. Kekhuatiran kita ialah dari segi keselamatan penunda itu sendiri atau pengguna jalan raya yang lain. Kadang kala berlaku kerosakan dalam perjalanan dan pernah berlaku *trailer* terlepas dari penunda. Ada yang dilihat tidak sepadan apabila kereta *saloon* atau kereta kecil menarik *trailer* perahu yang besar. Jadi sehubungan dengan itu, kaola inginkan penjelasan mengenai perkembangan dan pelaksanaan penguatkuasaan penundaan *trailer* perahu yang terkini.

Sekian saja yang Berhormat Pengerusi.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah

mengajukan beberapa soalan berhubung dengan:-

1. Mempromosikan di setiap jabatan-jabatan kerajaan produk-produk dari Majlis Perundingan Mukim dan Kampung;
2. Mengenai beca bermotor. Sama ada beca bermotor ini dapat atau tidak diperkenalkan?; dan
3. Mengenai *trailer* perahu yang telah dikuatkuasakan dengan undang-undang.

Mengenai mempromosikan di setiap jabatan kerajaan produk-produk dari Majlis Perundingan Mukim dan Kampung. Kaola sendiri Yang Berhormat Pengerusi tidak melihat sebarang masalah mengenai perkara ini bergantung pada dasar-dasar atau tumpuan jabatan-jabatan kerajaan masing-masing untuk memberi akomodasi mengenai cadangan ini dan abiskaola dulu pun semasa dalam tugas kaola yang lama menggalakkan diadakan satu macam *groceries*, kedai-kedai untuk memudahkan pekerja-pekerja kementerian itu untuk membeli barang-barang keperluan khususnya seperti minyak makan, barang-barang keperluan memasak di rumah dan sebagainya tanpa perlu pergi ke tempat-tempat yang sesak dengan kereta.

Ini satu cadangan yang baik walau bagaimanapun terserah kepada pihak-pihak yang ingin mempromosikan produk-produk yang berkenaan sama ada *viability* nya atau tidak. Ini

merupakan cadangan yang khusus dan harus dipertimbangkan sejauh mana pihak-pihak yang ingin mempromosikan produk mereka itu melihat jika ada peluang-peluang itu. Kalau sekiranya ada kedai runcit di kementerian-kementerian mungkin dapat disimpan produk-produk tempatan sejauh mana produk-produk tersebut laku untuk dibeli oleh pembeli.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat saya harap perkara itu tidak akan merupakan janji sebab saya kira jabatan-jabatan kerajaan kadang-kadang tidaklah begitu sesuai untuk mempamerkan bahan-bahan makanan dan seumpamanya. Saya harap ia bukan merupakan satu janji kepada jabatan-jabatan berkenaan.

Jadi ada baiknya perkara itu diteliti oleh kementerian yang berkenaan barangkali seperti di dewan kah boleh dipamerkan. Sekiranya kita berebut-rebut dengan kelulut barangkali agak mengaibkan juga kita dengan perkara ini.

Walau macam manapun niat kitani yang baik dan kesukaan kita untuk membantu seberapa yang boleh, tapi ia menurut peraturan dan kesesuaian juga bahawa kita merupakan jabatan kerajaan mempunyai peraturan dan undang-undang. Jadi ada baiknya kita *stick to that* suasana macam itu, silakan.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** pihak kaola akan meneliti perkara ini dengan lebih lanjut mengikut keupayaan kementerian kaola sendiri.

Soalan yang kedua mengenai Beca Bermotor. Ini pun satu perkara yang harus diteliti lebih dahulu sejauh mana perkara ini akan dapat memastikan keselamatan orang ramai dan yang paling utama dalam fikiran kaola ialah sejauh mana Beca Bermotor ini akan dapat dipertimbangkan dari perspektif keselamatan orang ramai dan apakah spesifikasi kenderaan Beca Bermotor yang harus dipenuhi sebelum perkara ini dapat dipertimbangkan. Kalau kita memikirkan rumah ke sekolah bergantung di mana sekolah itu dan di mana rumah itu kalau ia melibatkan jalan-jalan raya yang besar seperti *highway* mungkin tidak bersesuaian. Ini bergantung apa yang dimaksudkan sebagai Beca Bermotor itu.

Kalau Beca Bermotor yang berbasikal mungkin tidak berapa sesuai barangkali untuk diadakan di tempat-tempat yang sesak. Kalau di kawasan Bandar sahaja mungkin ada kemampuannya tapi bergantung pada Beca Bermotor itu sendiri. Jadinya perkara ini harus diteliti lebih lanjut lagi mengenai apa sebenarnya cadangan yang ingin dicadangkan itu.

Mengenai *trailer* perahu. Seperti Yang Berhormat maklum sebagaimana yang saya jelaskan isu yang mengenai penguatkuasaan ini dan kalau kitani kadang-kadang memandu di jalan yang besar kita lihat ada *trailer* perahu yang usulnya tidak memenuhi piawaian yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan lalu lintas khususnya yang dipanggil Akta Lalu Lintas Jalan Raya Penggal 68 Bab 8(1) ialah setiap perahu hendaklah

ditarik dengan menggunakan *trailer* yang tertentu yang memenuhi dimensi dan sebagainya.

Penguatkuasaan merupakan satu cabaran yang besar dalam aspek manapun seperti yang dimaklumkan tadi, ramai yang dibawa ke mahkamah sehingga 800 kes yang tidak dapat diuruskan dan mungkin kita sekali-sekala melihat ada *trailers* yang tidak sesuai itu mungkin itu terjadi.

Walau bagaimanapun tidak semestinya pihak yang berkuasa tidak melaksanakan penguatkuasaan undang-undang ini. Kita masih lagi menguatkuasakannya dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** perkara ini akan dipantau lagi memikirkan sejauh mana *option* yang lebih baik. Apa yang difikirkan ketika ini Yang Berhormat Pengerusi ialah untuk mengadakan tempat-tempat yang sesuai untuk meninggalkan perahu.

Jadinya perahu tidak payah ditarik ke rumah-rumah ataupun membentuk satu *mariner*. Bukan sahaja perahu-perahu menangkap ikan, mungkin perahu-perahu yang besar pun boleh. Perkara ini sedang difikirkan dan salah satu jawatankuasa telah dibentuk untuk memikirkan di mana tempat yang bersesuaian.

Apa pendekatan yang boleh kita ambil untuk menjadikannya sebagai satu realiti. Mungkin ini juga merupakan satu peluang kerjasama antara kerajaan dengan pihak swasta dalam rangka *PPP* sebagai contoh pendekatan yang sedang difikirkan ialah tidak mengalakkan mereka yang terlibat

dalam menangkap ikan dan sebagainya untuk menarik perahu-perahu mereka ke rumah.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ mudah-mudahan jawatankuasa akan dapat menghadapi cadangan yang lebih baik dan akan dimaklumkan kepada Yang Berhormat mengenai usaha ini. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat saya berpandangan ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa kita ini ditangguhkan dahulu selama 20 minit.

(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)

(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat, sekarang majlis ini bersidang semula untuk menyambung membincangkan dan membahaskan Tajuk SN01A hingga Tajuk SN08A - Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Sebelum ini saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Kewangan II (Kedua) ingin untuk membuat kenyataan terhadap beberapa soalan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat semasa mesyuarat yang kita adakan, sebelum kita berehat tadi. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana dan Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. dan

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ salam sejahtera. Kaola sebenarnya akan menambah sahaja sedikit maklumat mengenai dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman khususnya mengenai Pengendalian Pelabuhan Muara oleh *Muara Port Company*. Yang Berhormat tadi bertanyakan mengenai pekerjaan dan sebagainya yang dapat dijana dari usaha sama *Muara Port Company* ini. Jadi terima kasih juga atas soalan Yang Berhormat.

Sebagaimana yang sudah diterangkan oleh rakan sejawatan kaola, Yang Berhormat Menteri Perhubungan, *Muara Port Company (MPC)* ini ialah satu syarikat *Joint Venture* antara *Darussalam Assets Sdn Bhd* iaitu *GLC* kitani, dengan *Guangxi Beibu Gulf International Port Group Co Ltd*, yang baharu beroperasi belum lagi sampai satu bulan iaitu pada 21 Februari 2017.

Seperti yang juga diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan tadi, الْحَمْدُ لِلَّهِ walaupun baharu beroperasi belum sampai sebulan, beberapa *improvement* telah dapat dilaksanakan oleh syarikat ini. Semua *improvement* ini merupakan pelaburan yang dibuat sendiri oleh syarikat tersebut dan bukannya melalui suntikan kerajaan. Ini adalah satu contoh dari *Public Private Partnership (PPP)*, yang perlu dipergiatkan di negara kitani.

Setakat ini pelaburan yang telah dibuat sebagai suntikan awal ialah sebanyak \$10 juta, yang dijangka , **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan meningkatkan produktiviti Pelabuhan Muara yang amat diperlukan bagi meningkatkan penarikan Pelaburan Langsung Asing melalui pelan-pelan tindakan dalam tahun pertama dan kedua seperti yang diterangkan tadi oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan jua iaitu melalui pembaikan kren, sistem *IT* yang baharu dan juga mesin-mesin operasi seperti *forklift*, yang perlu penggantian dan tambahan.

Setelah perkara ini dapat ditingkatkan, *Muara Port Company* ini akan menyuntik pelaburan sebanyak \$50 juta dalam tahun ketiga hingga ke tahun kelima, operasi bagi kontena *terminal* dan *conventional terminal* yang berkaitan dengan menambah baik lagi infrastruktur yang ada.

Apa yang lebih menarik, yang masih lagi dalam peringkat perundingan, ialah **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** peringkat ketiga dalam jangka masa yang panjang, *Muara Port Company* ini akan seterusnya membuat pelaburan sebanyak kira-kira \$100 juta hingga \$150 juta bagi membangunkan tempat-tempat baharu khususnya dalam usaha penarikan Pelaburan Langsung Asing melalui *Free Trade Zone* di negara ini dengan membawa lagi beberapa pelabur asing lain ke Negara Brunei Darussalam **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**

Menyentuh mengenai pertanyaan **السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ** pekerjaan. Setakat ini *MPC* telah mengambil alih pekerja-pekerja dari

syarikat yang sebelum itu, seramai 106 orang dan, pengambilan ini akan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** meningkat dengan penambahan seramai 153 orang lagi setelah mengambil alih *conventional terminal* sepenuhnya. Apa yang penting lagi ialah *spin off* yang akan dijana oleh aktiviti ini bagi pemberian bisnes kepada *Micro Small Medium Enterprise* kitani yang bergiat langsung dalam aktiviti pelabuhan ini yang setentunya akan menambah peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan di masa-masa akan datang **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**

Itu sahaja yang dapat kaola maklumkan di Dewan ini, Yang Berhormat Pengerusi, bagi menjawab soalan tadi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) atas maklumat tambahan yang dikongsikan bersama mengenai perkara yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, awal tadi.

Sekarang saya mempersilakan, Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

dan salam sejahtera.

Terima kasih atas mukadimah yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan pada hari Khamis lalu, dan menyokong Belanjawan Kementerian Perhubungan. Kaola menyampaikan 1 soalan iaitu mengenai Tajuk SN05A - Jabatan Pengangkutan Darat.

Soalan kaola menyentuh mengenai tahap pengeluaran *carbon* di negara ini. Menurut laporan daripada *ASEAN Secretariat* yang dikeluarkan oleh *The Brunei Times* pada 4 November 2013, Negara Brunei Darussalam telah mengeluarkan tahap *carbon* yang tertinggi *per capita* iaitu 15.5 *metric ton* setiap tahun. Manakala negara jiran seperti Malaysia, mengeluarkan dua kali ganda lebih rendah iaitu 7.1 *metric ton* dan Singapura 6.39 *metric ton*.

Menurut kajian *Economic Research Institute* yang berpangkalan di Jakarta bersama dengan Universiti Brunei Darussalam pada tahun 2011, bahawa Negara Brunei Darussalam mengeluarkan *carbon dioxide* telah meningkat sebanyak 2% setiap tahun. Antara sumber yang diakui menyumbang kepada pengeluaran *carbon* ialah sumber daripada sektor pengangkutan darat.

Yang Berhormat Pengerusi. Ke arah pembangunan yang mapan dalam konteks pembangunan darat, apakah dasar-dasar pembaikan dan pemulihan kerajaan bagi mengurangkan pengeluaran *carbon* sekali gus menyokong hasrat negara, Wawasan Brunei 2035 dalam strategi alam sekitar.

Kaola ingin mecadangkan jika bersesuaian, bagi pihak kementerian menerokai kaedah penggunaan berbasikal untuk pergi bekerja bagi dijadikan sebagai alternatif. Siapa tahu, dengan memperkenalkan kaedah ini, ia akan disambut baik oleh rakyat terutamanya belia negara. Ini juga boleh mengurangkan peratusan penjawat awam sebanyak 70% yang tidak melakukan aktiviti fizikal yang mencukupi seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan dalam mukadimahnya yang lalu.

Selain pemeliharaan alam sekitar, ia akan memberi faedah kepada kesihatan, pengurangan kesesakan lalu lintas dan mungkin sahaja membuka ruang untuk penjanaaan pertumbuhan ekonomi. Kaedah ini bukan baharu, ia juga digunakan di negara lain seperti Jepun, Belanda, Sweden dan banyak lagi. Tidak dinafikan bagi menjayakan program ini, ia memerlukan penyediaan lorong khas berbasikal, kempen dan sebagainya. Sekian sahaja soalan kaola dan cadangan pembaikan kaola agar kaedah pembaikan ini dapat diterokai dan jika ia bersesuaian. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Seperti yang kaola terangkan tadi mengenai *carbon emission* ini, pihak Jabatan Pengangkutan Darat bersandar kepada peraturan dan dasar-dasar yang ditentukan oleh Jabatan Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ detail lanjut

mengenai beberapa sasaran yang dihayati akan kaola maklumkan kemudian.

Mengenai strategi untuk menggalakkan penggunaan basikal untuk bekerja, minat **الْحَمْدُ لِلَّهِ** untuk menggunakan basikal semakin meningkat terutama dengan adanya Bandarku Ceria. Mudah-mudahan perkara ini akan dilaratkan kepada penggunaan lain lagi, bukan sahaja untuk rekreasi tetapi mungkin digunakan bagi keperluan untuk ke tempat bekerja.

Walau bagaimanapun, penggunaan basikal ini sedang dipertimbangkan oleh Jabatan Pengangkutan Darat mengenai keperluan infrastruktur dan sebagainya, terutama dalam suasana Jabatan Pengangkutan Darat sedang sibuk menimbang infrastruktur keperluan laluan bas dan sebagainya. Ini harus difikirkan secara komprehensif.

Walau bagaimanapun, mana-mana pihak yang ingin menggunakan basikal untuk menuju ke tempat bekerja, silakan tetapi hendaklah mengambil atau mengetahui sedikit sebanyak mengenai peraturan lalu lintas di negara ini dan kemudahan-kemudahan untuk berbasikal belum banyak yang disediakan dan harus diambil pertimbangan mengenai perkara itu.

Dan masa ini Jabatan Pengangkutan Darat sudah berusaha untuk memberigakan kepada orang ramai mengenai dengan konsep-konsep "*sharing the roads*" antara pemandu kereta dan juga pembasikal, supaya

memberi ruangan sebanyak 1.5m antara satu dengan lain dan sebagainya, dan perkara ini akan diberigakan kepada orang ramai.

Tapi cadangan untuk menggunakan basikal **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** perkara itu tidak ditegah, mana-mana pihak ingin menggunakan basikal terserah kepada pihak berkenaan walau bagaimanapun, harus memahami mengenai dengan keselamatan jalan raya dan memandangkan jalan raya yang ada di negara ini belum menumpukan kepada aspek keselamatan berbasikal di negara ini **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** perkara ini sedang dipertimbangkan selaras dengan keperluan untuk menyediakan lorong-lorong khusus untuk pengangkutan bas. Terima Kasih.

Yang Berhormat Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri: Yang Berhormat Pengerusi. Boleh kaola menambah sedikit tentang *carbon emission*. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Selaku negara yang telah membuat pengesahan terhadap perjanjian '*Paris*'. Adalah menjadi keutamaan negara bagi mengetengahkan usaha-usaha yang menjurus kepada penurunan dan perlepasan *carbon*.

Sebagai langkah pertama Jabatan Tenaga dan Perindustrian sedang meneliti laporan *Intended National Determine Contribution (IMDC)* yang telah dihadapkan kepada UNFCC pada bulan November 2015, yang mana merupakan indikasi awal negara bagi menunjukkan komitmen terhadap

penanganan isu perubahan iklim dan menggariskan usaha-usaha yang akan diambil bagi menjadikan mengehadkan pelepasan *carbon* negara.

Memandangkan laporan *Intended Nationally Determine Contribution (INDC)* ini akan dijadikan rujukan utama bagi komitmen negara yang akan diikat secara langsung secara undang-undang di bawah Perjanjian *Paris*. Negara telah diberi peluang untuk menghadapkan laporan *Intended Nationally Determine Contribution (INDC)* yang baharu bagi menggantikan laporan *Intended Nationally Determine Contribution (INDC)* yang sudah dihadapkan.

Dalam pada itu, jabatan pada masa ini sedang dalam proses penyediaan laporan *Intended Nationally Determine Contribution (INDC)* yang baharu yang mana nanti akan menekankan pada sasaran negara bagi mengurangkan *intensity* pelepasan *carbon* dengan mengambil kira perkembangan dan kemajuan industri negara.

Adapun ini adalah sangat penting bagi usaha kepelbagaian ekonomi negara, jadi ia perlu dilaksanakan dengan cara *carbon* rendah. Perjanjian ini juga telah membukakan peluang kepada negara untuk menuju ke arah ekonomi *carbon* rendah yang mana akan mempromosikan industri *carbon* rendah dan juga perusahaan-perusahaan dalam sektor berkenaan.

Langkah-langkah yang dikenal pasti bagi pengurangan pelepasan *carbon* negara juga dan bagi mencapai sasaran

penurunan pelepasan *carbon intensity* adalah seperti berikut:-

1. *Intensity* Tenaga; Pertama adalah mengurangkan *intensity* tenaga negara sebanyak 45% menjelang tahun 2035 dari tahap tahun 2005 tenaga diperbaharui;
2. Untuk meningkatkan *share* tenaga boleh diperbaharui untuk sekurang-kurangnya 10% dalam campuran panjang tenaga pada tahun 2035;
3. Untuk meningkatkan liputan hutan melindungi negara dari 41% ke 55% daripada keseluruhan keluasan tanah;
4. Yang paling mustahak sekali ialah kesedaran awam. Jabatan Tenaga dan Perindustrian akan terus bekerjasama dengan semua pihak termasuklah agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang berkenaan berserta pihak-pihak yang berkepentingan terutamanya penuntut sekolah dan orang awam bagi meningkatkan kesedaran pentingnya usaha sama dalam menangani isu perubahan iklim. Sasaran untuk *Co2* kita adalah sebanyak 27% pengurangan pada tahun 2035.

Itu sahaja yang dapat kaola kongsi kan Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat atas maklumat tambahan yang dikongsi kan.

Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ
السَّلَامُ عَلَى مَنْ اتَّبَعَ الْهُدَى

Di Dewan yang mulia ini kaola ingin membangkitkan 3 soalan:-

1. Mengenai dengan pembinaan Jambatan Penghubung ke Daerah Temburong. Kita sering didedahkan dengan tarikh-tarikh penyiapannya, yang terbaharu kaola terima ialah bulan Mac 2019, tetapi wakil Yang Berhormat dari Daerah Temburong mengatakan akhir tahun 2019. Kaola ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan bila kah tarikh sebenar penyiapan Jambatan Penghubung ke Daerah Temburong tersebut?

Sehubungan dengan itu, kaola juga ingin mencadangkan supaya dengan terbukanya nanti penggunaan Jambatan ke Daerah Temburong agar semua pihak dalam kerajaan dan juga

masyarakat umum memikirkan mengenai dengan keadaan di Daerah Temburong dari segi sosio ekonomi penduduknya.

Perkara ini terlalu hampir di hati kaola kerana kaola berasal dari sana walaupun kaola telah menetap di bandar, kaola kadang-kadang turun ke sana melihat keadaan masyarakat di sana yang tidak banyak berubah daripada dahulu hinggalah sekarang ini dari segi perekonomian dan juga sosio ekonomi mereka. Jadinya, kaola sarankan perlulah ada pemikiran untuk menukarkan status Daerah Temburong itu daripada apa yang dipanggil Daerah *pelintasan* menjadi Daerah persinggahan apabila siapnya nanti jambatan ke Daerah itu;

2. Mengenai dengan syarat-syarat bagi orang-orang yang telah berumur lanjut untuk terus memandu dan mendapatkan lesen kenderaan. Kaola difahamkan setakat ini sama ada tepat atau tidak mereka-mereka yang berumur 70 tahun ke atas adalah dikehendaki untuk menjalani semula *driving test* (ujian memandu). Jadi, memandangkan kita semua akan menuju ke sana jua dan telah pun ada yang umur sedemikian sudah berada atau melebihi kaola ingin tahu adakah perkara ini betul dan bagaimanakah syarat-syaratnya bagi memastikan pemanduan

mereka itu masih bagus kualitinya dan tidak mendatangkan bahaya kepada pemandu-pemandu yang lain, kerana kaola sendiri melihat ada beberapa pemandu yang berumur ini nampaknya memberi khuatir untuk mengikuti mereka di belakang. Ada yang tidak bersignal dan sebagainya untuk menyimpang ke kiri dan ke kanan; dan

3. Perkara yang seterusnya yang kaola ingin tanyakan ialah kadang-kadang semasa memandu kitani terpancang di bahagian belakang bas atau *truck* ada bertulis aduan *MTLA*.

Kaola ingin mengetahui apakah bendanya perkara ini walaupun kaola ada memahami perkataan aduan, kemungkinan orang ramai yang mengikut di belakang apabila melihat kenderaan di hadapannya itu memandu secara tidak betul mungkin boleh mengadukan ke pihak berkenaan kerana disimpan juga di belakang itu nombor telefon *MTLA* ini dan kaola juga ingin penjelasan sejauh manakah perkara ini diambil tindakan? Adakah sudah sambutan daripada orang ramai mengenai perkara ini? Mereka selama ini tidak tahu di mana tempat mengadukannya.

Adakah itu sebagai satu panduan kepada pemandu yang terlihat akan

pelanggaran-pelanggaran peraturan jalan raya.

Demikian sahaja soalan dan saranan kaola Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri

Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat Pengerusi, mengenai soalan pertama bilakah tarikh penyiapan jambatan yang menghubungkan Daerah Brunei Muara ke Daerah Temburong.

Perkara ini bukan di bawah tanggungjawab kaola maka kaola serahkan kepada rakan kaola Kementerian Pembangunan untuk memberi penjelasannya.

Mengenai kesan sosioekonomi kepada Daerah Temburong ini merupakan satu isu yang *very broad* jua cuma kaola ingin memberikan pandangan sedikit mengenai kesan-kesan yang akan timbul daripada penghubung jambatan tersebut.

Barangkali dari segi demografi penduduk di Daerah Temburong, mudah-mudahan dengan adanya program-program lain, kemudahan yang menghubungkan Daerah Temburong dengan Daerah Brunei-Muara, akan meningkatkan lagi penduduk yang berada bermastautin di Daerah Temburong.

Dengan demikian akan membawa faedah-faedah ekonomi dengan sendirinya di Daerah Temburong.

Tetapi untuk menjadikannya sebagai tempat atau daerah persinggahan bukannya daerah *pelintasan*, kementerian-kementerian yang berkenaan terutama daripada Kementerian Sumber-Sumber إن شاء الله Utama dan Pelancongan yang pada masa ini sedang berusaha untuk mempromosikan Daerah Temburong sebagai satu destinasi pelancongan dan ini bukan sahaja untuk rakyat di Negara Brunei Darussalam. Akan tetapi mudah-mudahan ia menjadi satu tempat persinggahan bagi pengunjung-pengunjung luar negara khususnya dari Sabah, Malaysia untuk melawat ke Negara Brunei Darussalam bersedia menggunakan jalan laluan di Daerah Temburong. Mudah-mudahan ini akan menjadi satu realiti bagi penduduk di Daerah Temburong.

Mengenai aduan *MTLA* yang terletak di kenderaan-kenderaan besar khususnya. Kenderaan-kenderaan ini adalah diluluskan oleh satu autoriti yang dipanggil *Motor Transfer Land and Authority*. Pengeluaran dan pelesenannya sebelum ia didaftarkan lebih dahulu diberikan kebenaran oleh pihak *MTLA*. Mengenai sejauh mana perkara ini sudah berkesan akan kaola mohonkan dari jabatan yang berkenaan.

Walau bagaimanapun, tujuan untuk mengadakan pelekat itu adalah untuk kemudahan orang ramai membuat aduan mengenai "kalibat" atau perangai pemandu yang melanggar peraturan jalan raya dan boleh juga dibuat aduan jika kenderaan tersebut keluar asap hitam yang mengeluarkan

carbon emission yang di luar daripada had-had yang ditentukan. Perkara itu boleh dilaporkan kepada Jabatan Pengangkutan Darat melalui nombor talian hotline yang ditentukan iaitu 7292017.

Jadinya, apa yang pada pandangan orang ramai bahawa perkara itu di luar dari peraturan yang ditentukan untuk kenderaan berat dan wajib untuk dilaporkan kepada Jabatan Pengangkutan Darat untuk memastikan keselamatan orang ramai. Setiap laporan ini tidak semestinya menggunakan telefon.

Jika menggunakan *whatsapp* pun boleh jua. Itu sahaja yang dapat kaola terangkan dan mengenai keberkesanan itu. Kaola akan kembali semula kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi:

Barangkali Yang Berhormat harus memberikan penerangan mengenai dengan lesen bagi orang-orang yang mencapai umur 70 tahun untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat. Saya juga salah seorang daripada orang yang berkenaan dan saya telah pun mendapat lesen setiap tahun. Saya harap saya belum lagi sampai ke peringkat orang takut untuk memandu di belakang kereta saya sendiri.

Yang Berhormat Menteri

Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Peraturan ini dinyatakan dalam Peraturan Lalu Lintas Negara Brunei Darussalam bahawa setiap yang sudah mencapai umur 70 tahun hanya akan diberikan lesen memandu kalau pendapat Pegawai Melesen bahawa pemandu berkenaan masih dalam keadaan sehat wal'afiat. **الْحَمْدُ لِلَّهِ** Walau bagaimanapun, lesen yang akan diberikan itu hanya untuk 1 tahun sahaja dan pemandu berkenaan dikehendaki untuk membaharui lesen berkenaan setiap tahun.

Yang Berhormat Pengerusi. Sebenarnya tujuan peraturan ini dimasukkan dalam akta adalah untuk menjaga keselamatan pemandu berkenaan. Perkara ini sudah abiskaola pertimbangkan, *tunduki* bagaimana caranya untuk memperbaiki keadaan tersebut dengan mengambil kira tahap kesihatan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam. Khususnya yang berhubung dengan *life expectancy* dan secara *informal* pun kaola ada berunding dengan rakan sejawatan kaola berhubung dengan kesihatan mengenai perkara ini.

Tetapi dari segi statistiknya Yang Berhormat Pengerusi mengenai permohon-pemohon dan keramaian orang yang ditolak untuk memandu, ada sesetengah daerah bahawa penolakan itu *ratanya* adalah agak tinggi. **الْحَمْدُ لِلَّهِ** di Daerah Brunei Muara, penolakan itu ada 2 ke 3 orang sahaja yang seperti tidak layak untuk diberikan lesen berkenaan. Tetapi ini berhubung dengan *consciousness* ataupun *awareness*

mengenai *safety* dalam kawasan setempat itu.

Makanya jumlahnya itu besar. Ada sesetengah keluarga itu sendiri berjumpa ke Jabatan Pengangkutan Darat meminta supaya pemandu berkenaan tidak perlu diberikan lesen demi menjaga keselamatan.

Pada keseluruhannya **الْحَمْدُ لِلَّهِ** jumlahnya masih rendah kalau dibandingkan dengan keramaian orang yang memohon memandu. Makanya abiskaola fikirkan sudah tiba masanya untuk dipertimbangkan semula ataupun dinaikkan umur itu kepada 1 atau 2 tahun. Walau bagaimanapun, harus juga dirujuk kepada tahap kesihatan penduduk dan rakyat di negara ini dan mungkin perkara itu rakan sejawatan kaola dapat memberikan pencerahan mengenai perkara itu sedikit.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Ringkas sahaja kaola menerangkan mengenai perkara ini. Dari segi kesihatan apa yang kitani harus maklum ialah apa *outcome* sebenarnya yang kitani kehendaki dari segi keselamatan. Jadi kalau kitani melihat keselamatan di jalan raya ini banyak fakta yang tertentu sama ada fakta infrastruktur, orangnya, fakta *vehicle* dan sebagainya.

Dari segi faktor individu ini, Kementerian Kesihatan, melihat mana-mana isu yang dapat diubah ataupun di *control* untuk mitigasi agar keselamatan orang ini terjamin. Pihak kaola berkerjasama dengan pihak Kementerian Perhubungan

ini. Jika kita melihat di negara-negara lain, sekiranya mereka sudah berumur lanjut, mereka terpaksa mendeklarasikan sama ada mereka ada penyakit yang boleh mengakibatkan keselamatan semasa memandu ataupun mengoperasikan apa-apa mesin pun. Masalah-masalah ini termasuklah masalah kronik yang tidak berjangkit, masalah *dementia*, masalah kencing manis, *parkinson*, *epilepsy* dan sebagainya ini.

Ini sebenarnya bukan sahaja untuk keselamatan individu yang menjalankan ataupun memandu kereta itu, malah juga untuk menjamin keselamatan pengguna-pengguna jalan raya yang lain sama ada mereka memandu ataupun *pedestrian* juga Yang Berhormat Pengerusi.

Pihak abis kaola berkerjasama dengan Yang Berhormat Menteri Perhubungan pada melihat bagaimana kita boleh mengatasi isu-isu ini seperti mana jua Yang Berhormat tadi mengatakan pernah orang berjalan di belakang orang ini, kadang-kadang abis kaola pernah jua terlihat di *traffic light* orang tertidur bila lampu itu sudah hijau. Jadi ini mengkhawatiri jua. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menjawab mengenai soalan bilakah akan siapnya Jambatan Temburong Yang Berhormat Pengerusi? Terima kasih atas soalan itu dan kaola sentuh jua perkara ini sewaktu mukadimah kementerian kaola.

Walau bagaimanapun, kaola jawab *direct* sahaja pendek benar juga mungkin tidak memberi kepuasan. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** Jambatan Temburong akan siap pada penghujung tahun 2019. Izinkan kaola jua mengongsikan status projek ini, sebenarnya projek ini menghadapi sedikit kelambatan pada masa ini, *progres* adalah kira-kira 17% sahaja dan ada beberapa punca kelambatan bagi projek ini:-

1. Mobilisasi, penyediaan dan tempat *casting yard*, penyimpanan bahan dan jentera besar atau berat dan tapak untuk menempatkan pekerja-pekerja dan ofis binaan memakan masa yang agak lama dan di luar jangkaan. Seluas kira-kira 20 hektar kawasan diperlukan dan penyediaan tapak sahaja memakan masa lebih kurang 8 bulan. Begitu juga kesulitan dari segi *accessibility* untuk ke kawasan berkenaan sangat sukar terutama sekali di kawasan bakau di Daerah Temburong yang tidak dapat dimasuki oleh kenderaan air dan darat pada peringkat awalnya Yang Berhormat Pengerusi;
2. Punca kelambatan *access* peraliran sungai di sepanjang laluan untuk jambatan yang akan dibina adalah terlalu cetek atau tohor. Sejauh 13 meter panjang sungai perlu didalami dan dikorek bagi membolehkan *batch* barangan dan jentera-jentera *piling* dibawa ke tempat yang diperlukan. Laluan ini perlu dikorek 100 meter sedalam 2.5 meter dan membuang sisa-sisa tanah yang dikorek

ke tempat yang sesuai memakan masa yang di luar dari jangkaan;

3. Keadaan geologi strata tanah yang di bawah air yang tidak menentu amat menyukarkan kerja-kerja *piling*. Purata kerja-kerja *piling* mengikut keadaan strata tanah dibawah air ialah sedalam 600 meter ke 900 meter panjang. Konkrit *pile* yang berukuran 900 milimeter besar diperlukan untuk kerja-kerja cerucuk atau *piling*.
4. Keadaan cuaca yang tidak menentu pun juga salah satu penyebab kelambatan projek ini walaupun sudah dimasukkan dalam perkiraan semasa merancang tempoh pelaksanaan;
5. Bahan-bahan binaan dan jentera khas bagi projek ini yang tidak terdapat di negara kita perlu didatangkan dari luar negara seperti Korea, China dan Malaysia menggunakan kapal laut memakan masa yang lama mengikut keadaan cuaca juga; dan
6. Walaupun perkara ini sudah diduga dalam perancangan awal projek-projek yang berskala besar seperti ini tidak dapat lari dari menghadapi isu-isu teknikal sehingga projek ini bermula dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** dengan adanya kepakaran, pengalaman yang ada, kita akan sentiasa membuat pemantauan yang rapi dan bagi mengatasi kelambatan ini dari berlarutan.

Bagaimanapun **الْحَمْدُ لِلَّهِ** semua cabaran ini dapat diatasi pada masa ini, dan pihak pemborong telah melipatgandakan usaha untuk menambah pekerja dan jentera-jentera untuk mempercepatkan projek ini. Jadi jawapan yang ringkas tadi, pada penghujung tahun 2019 jambatan ini akan siap, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pembangunan dan Yang Berhormat Menteri Kesihatan atas maklumat tambahan yang diberikan. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. **بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ** Kesesakan jalan raya pada waktu *peak hours* sering berlaku di mana-mana. Ini disebabkan oleh adanya sekolah-sekolah, jabatan-jabatan kerajaan dan gedung-gedung perniagaan berdekatan dengan *main road*. Di beberapa buah negara maju perkara seperti ini sudah tidak dibuat lagi. Kesesakan jalan raya ini sudah terjadi sejak tahun 1980-an. Apatah lagi sekiranya terjadi kemalangan. Kaola kira sudah sampai masanya kita memilih alternatif lain bagi mengurangkan kesesakan jalan raya:-

1. Membanyakkan pengangkutan awam dan prasarananya seperti tempat menunggu dan turun penumpang dari bas yang selesa.; dan
2. Pengangkutan melalui sungai direalisasikan.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Menteri Perhubungan.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih juga kepada cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat, dalam usaha untuk mengatasi isu kesesakan jalan raya. Memang ini merupakan salah satu isu yang difikirkan iaitu perlunya ada *alternative transportation* di Negara Brunei Darussalam. Ia bukannya sahaja mahal tetapi ketika ini sudah mula menampakkan kesan-kesannya bahawa terdapat kesesakan jalan raya terutamanya di waktu-waktu sekolah.

Terima kasih jua atas cadangan untuk memperbaiki lagi pengangkutan awam. Mudah-mudahan apa yang dicadangkan dan usaha ketika ini akan tercapai dan dengan sendirinya sistem pengangkutan bas awam yang baharu itu akan dapat mengatasi isu kesesakan jalan raya.

Walau bagaimanapun, masih banyak perkara yang harus kita fikirkan di sana sebab sistem pengangkutan jalan raya ini bukan sahaja pengangkutan sistem bas *connectivity and availability* jua tapi ia juga menimbulkan usaha-usaha mengenai undang-undang/peraturan seperti memberi laluan prioriti kepada bas-bas awam, isu infrastruktur pengangkutan bas awam ataupun *dedicated land* harus diadakan supaya

mempercepatkan lagi penghantaran penumpang.

Dari segi isu *connectivity*, *إن شاء الله* di Daerah Brunei Muara sahaja dari segi *coverage* tempat-tempat yang penting seperti sekolah, tempat-tempat pekerjaan dan sebagainya.

Di Brunei Muara *coverage* ataupun liputan dalam lingkungan 600 meter *standard* yang dipakai adalah 70%. Di sekolah-sekolah, universiti dan *institutions* 100%, Pusat Tingkatan Enam 100%, sekolah-sekolah menengah 45%, sekolah-sekolah rendah dan agama 65% dan sekolah-sekolah persendirian 71%.

Mudah-mudahan dengan adanya Sistem Pengangkutan Awam yang efisien ini akan dapat mengatasi isu orang ramai menggunakan kereta persendirian untuk menghantar dan mengambil anak-anak sekolah dan lebih cenderung untuk menggunakan Sistem Pengangkutan Awam yang berkesan.

Penggunaan *transport* melalui sungai. *إن شاء الله* ini juga perkara yang sedang difikirkan. Kita menggalakkan untuk mengadakan satu *domestic class* yang membolehkan untuk mengadakan *transport* pengangkutan orang ramai yang menepati piawaian yang akan disediakan oleh pihak Jabatan Laut.

Ini salah satu usaha yang akan diusahakan lagi Yang Berhormat Pengerusi bagi negara ini mengadakan lagi *domestic plan* khasnya sendiri bagi membolehkan kapal-kapal berukuran

lebih besar dari yang ada sekarang ini dan digunakan untuk muatan yang lebih besar dan juga penumpang-penumpang yang lebih besar digunakan sebagai *mode of transportation*. Ini bergantung kepada keadaan tempat itu yang boleh dijadikan sebagai tempat persinggahan kalau kebetulan ada sekolah mempunyai fasiliti yang boleh dapat dibuat *إن شاء الله* itu dapat diusahakan dengan menggunakan *PPP* tambahan.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya kira barangkali kesesakan jalan raya ataupun *traffic jam* ini biasanya menjadi satu *measurement* bagi kemajuan sesebuah bandar ataupun kota. Saya kira barangkali bagi Brunei jauh berbeza kalau dibanding sahaja dengan Kota Kinabalu, jangan Kuala Lumpur tetapi Kota Kinabalu ataupun Kuching, keadaan kita jauh lebih selesa dan lebih baik dibandingkan dengan bandar-bandar yang saya sebutkan. Saya kira barangkali *we should't pay too much attention to* soal-soal seperti itu.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Kaola, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola setuju dengan pandangan Yang Berhormat Pengerusi kalau dibandingkan dengan negara lain keadaan kita belumlah seteruk seperti apa yang berlaku di negara-negara jiran.

Walau bagaimanapun, kita harus mengambil tindakan awal sebelum perkara itu terjadi. Salah satu usaha yang ingin kaola maklumkan di sini ialah mengenai *Motor Claim Guidelines* ini. Seperti yang kaola nyatakan tadi

apabila berlaku kemalangan dan kesesakan jalan raya terjadi dengan mengambil masa yang panjang untuk mencapai ke suatu tujuan.

Yang Berhormat Pengerusi: Barangkali kesesakan yang timbul apabila adanya kemalangan orang kita ini *very curious*. Semua ingin melihat apa hal yang terjadi bukan disebabkan *seriousness* ataupun bagaimana teruknya kemalangan yang berlaku. Kadang-kadang sedikit sahaja tergesel jadi sampai sebatu *traffic jam*. Sebab orang itu berhenti untuk melihat apa halnya, siapa yang terlibat dan seumpamanya.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Betul Yang Berhormat Pengerusi. Sebenarnya itu yang berlaku. Adalah menjadi satu kepentingan bagi kita untuk meleraikan suasana itu secepat yang mungkin.

Masalahnya, kalau sistem yang ada pada masa ini terpaksa menunggu Anggota Polis datang dahulu baru dileraikan. Dengan adanya sistem baharu ini, *Motor Claim Guidelines* ini, tidak lagi perlu kereta-kereta yang terlibat itu untuk menunggu Polis datang melainkan ia melibatkan kecederaan, kematian atau kerosakan harta benda kerajaan. Kalau sekiranya terlanggar depan dan belakang sahaja boleh *fill up the insurance form* dan terus jalan tidak lagi payah menunggu. Ini sistem baharu yang mudah-mudahan dapat dilaksanakan dalam sedikit masa lagi.

Atas sokongan dan persetujuan dari pihak insurans khususnya Pertubuhan Insurans di Negara Brunei Darussalam bahawa mereka bersetuju untuk mengadakan satu *guidelines* ini untuk membolehkan tuntutan-tuntutan itu dibuat tanpa ada laporan-laporan Polis.

Dengan adanya perkara ini mudah-mudahan orang yang *curious* melihat apa yang berlaku, siapa yang kena, siapa yang terlanggar itu tidak akan lagi terjadi. Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.
 بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ اَللّٰهُمَّ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَکَاتُهُ dan selamat sejahtera.

Dalam kesempatan ini, kaola ingin merakamkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan yang telah menyampaikan mukadimahya pada petang hari Khamis, 17 Jamadilakhir 1438 bersamaan 16 Mac 2017.

Tahniah atas usaha yang dibuat oleh Kementerian Perhubungan mengenai penswastan Terminal Kontena Muara kepada *Darussalam Asset JV* dengan *Guangzhou*. Setelah mendengar hujah-hujah yang disampaikan juga daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) yang menunjukkan

positif akan peluang-peluang perniagaan dan pekerjaan juga *إِنْ شَاءَ اللّٰهُ*, kos untuk membawa barang import dari China akan menurun dan sebagainya.

Ada beberapa perkara Yang Berhormat Pengerusi yang ingin kaola pertanyakan dan soalkan kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan:-

1. Perkhidmatan Teksi. Dalam mukadimah yang disampaikan, sasaran jumlah teksi akan dinaikkan kepada 200 buah teksi. Adakah dalam perancangan Yang Berhormat Menteri Perhubungan untuk mempelbagaikan jenis teksi yang ada pada masa ini? Misalannya dari segi keselesaiannya, muatan untuk membawa barang, keselesaiannya untuk menjadikan teksi sebagai van seperti yang kita lihat di negara-negara lain;
2. Pemberian lesen teksi. Adakah ia hanya diberikan kepada perseorangan ataupun dilaratkan kepada syarikat-syarikat yang ingin menceburi dalam bidang teksi kerana perkara ini telah pernah dibuat apabila dikenalkan pada satu ketika dahulu iaitu dipanggil *Purple Taxi* atau *CTS* yang mengenakan bayaran hanya sebanyak \$3.00 dalam satu perjalanan tidak mengira jumlah *passenger* tidak melebihi 4 orang dalam lingkungan 5km. Adalah diharapkan jika *franchise* atau kontrak diberikan yang telah mengikut perjanjian dan tidak mengambil kira tidak merugikan kepada syarikat yang terlibat;

3. Masalah teksi yang sering mengenakan sewa yang berlebihan. Baru-baru ini juga terdapat keluhan daripada pelancong yang teksi mengenakan bayaran dalam perjalanan yang dekat dari \$30.00 ke \$40.00, manakala meternya ditutup dengan kain Yang Berhormat Pengerusi; dan
4. Kemudian masalah mengenai teksi ini ialah "teksi sapu" yang semakin berleluasa dan apa yang mendukacitakan "teksi sapu" ini ada yang dikendalikan oleh orang asing.

Kaola beralih kepada perkhidmatan bas. Pada masa ini bas awam seolah-olah keperluan pekerja asing sahaja kerana kalau melihat Yang Berhormat Pengerusi orang-orang kitani kurang menaikinya disebabkan mungkin kurang keselesaan, bau dan sebagainya dalam bas berkenaan. Perkhidmatan bas ini perlu diambil kira masa yang tepat bagi menarik lebih banyak pelanggan untuk menggunakan bas.

Bas memerlukan pelaburan yang besar tetapi *ROI (Return of Investment)* tidak begitu menggalakkan pada awalnya dan keadaan ekonomi yang tidak mengizinkan kemungkinan penjualan kereta akan berkurangan, bas mungkin ada satu pilihan yang akan diambil kira. Pekerja-pekerja dalam kerajaan dan swasta, perlu perkhidmatan alternatif seperti bas, anak-anak sekolah juga perlu pengangkutan alternatif. Mengurangkan pekerja di jabatan kerajaan keluar mengambil anak yang

perlu diambil kira. Berkurangnya bas sekolah juga akan harusnya diambil kira.

Soalannya adakah perancangan atau pemikiran mana-mana pihak *GLC* untuk membuat kajian mengenai apa yang kaola maksudkan?

Ada satu lagi mengenai permasalahan bengkel-bengkel ataupun *workshop* yang pada masa ini kaola rasakan masih tidak dikawal. Kalau tidak silap, Jabatan Pengangkutan Darat ada membuat satu *grading* atas bengkel-bengkel kereta yang ada di negara ini, pertanyaannya adakah masih dikuatkuasakan?

Mengenai bengkel-bengkel sekarang ini yang berleluasa yang kadang menggunakan kawasan kedai-kedai atau bangunan kedai dan kawasan perumahan yang menyebabkan keadaan bising kepada orang-orang kitani. Maka perkara ini barangkali melibatkan agensi-agensi lain supaya perkara ini akan diambil perhatian.

Persoalannya yang tadi Yang Berhormat Pengerusi adakah masih *grading* ini berjalan dan diharapkan pengawalan bagi menangani permasalahan yang dihadapi oleh orang-orang ramai mengenai kebisingan dan sebagainya disebabkan bengkel yang tidak berlesen ataupun tidak sesuai dengan tempatnya akan diambil tindakan.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebelum Yang

Berhormat Menteri Perhubungan menjawab soalan-soalan yang dikemukakan, saya beri kesempatan bagi Yang Berhormat itu untuk menyiasat dengan lebih lanjut dan memikirkan jawapan yang sesuai bagi perkara-perkara yang dikemukakan dan oleh Yang Berhormat.

Maka saya berpandangan ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa ini ditangguhkan dahulu dan kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah pun berbincang dengan panjang lebar dan **الْحَمْدُ لِلَّهِ** kita telah pun meluluskan beberapa Tajuk dalam undang-undang yang berkenaan ini apabila kita berunding dalam Mesyuarat Jawatankuasa sepenuhnya.

Maka saya ingin menangguhkan Mesyuarat kita ini untuk kita berehat pada tengah hari ini dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kita akan menyambung Mesyuarat ini semula pada pukul 2.30 petang, sekian.

وبالله التوفيق والهداية السّلام عليكم ورحمة الله وبركاته

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)